

# KANDUNGAN

## Rekod Pentaksiran Murid Ekonomi Tingkatan 4

iii – vi

<b>BAB 1</b>	<b>Pengenalan Kepada Ekonomi</b>	<b>1</b>
	Lembaran Kerja 	1
	Nota Pintas	2
	<b>PBD Formatif</b>	
	1.1 Konsep Kekurangan, Pilihan dan Kos Lepas	4
	  	
	1.2 Sistem Ekonomi dan Penyelesaian Masalah Asas Ekonomi	15
	  	
	Praktis SPM	22
	Aplikasi KBAT 	29
<b>BAB 2</b>	<b>Pasaran</b>	<b>30</b>
	Lembaran Kerja 	30
	Nota Pintas	31
	<b>PBD Formatif</b>	
	2.1 Keseimbangan Pasaran	34
	  	
	2.2 Keanjalan Harga	49
	 	
	Praktis SPM	58
	Aplikasi KBAT 	67

<b>BAB 3</b>	<b>Wang, Bank dan Pendapatan Individu</b>	<b>68</b>
	Lembaran Kerja 	68
	Nota Pintas	69
	<b>PBD Formatif</b>	
	3.1 Wang dan Bank	71
	 	
	3.2 Pendapatan Individu	78
	 	
	3.2 Penggunaan Pendapatan Individu	85
	 	
	Praktis SPM	98
	Aplikasi KBAT 	105
<b>BAB 4</b>	<b>Pengeluaran</b>	<b>106</b>
	Lembaran Kerja 	106
	Nota Pintas	107
	<b>PBD Formatif</b>	
	4.1 Konsep Pengeluaran, Kos dan Hasil	109
	 	
	4.2 Produktiviti dan Eksternaliti	118
	  	
	Praktis SPM	125
	Aplikasi KBAT 	132
	Pentaksiran Akhir Tahun	133



Nama: \_\_\_\_\_

Tingkatan: \_\_\_\_\_

BAB	STANDARD PRESTASI		PENCAPAIAN	
	TAHAP PENGUASAAN	DESKRIPTOR	(✓) Menguasai	(x) BELUM Menguasai
<b>1</b> PENGENALAN KEPADA EKONOMI	<b>1.1 Konsep Kekurangan, Pilihan dan Kos Lepas</b>			
	TP1	Menyatakan maksud kekurangan, pilihan dan kos lepas		
	TP2	Menerangkan konsep kekurangan berasaskan faktor pengeluaran terhad		
	TP3	Menjelaskan konsep kekurangan, pilihan dan kos lepas dari sudut individu, firma dan kerajaan berdasarkan contoh		
	TP4	Mengaplikasikan konsep kos lepas dengan menganalisis satu situasi dan membuat keputusan		
	TP5	Membuat keputusan pemilihan di antara dua alternatif barang dan perkhidmatan berdasarkan keluk kemungkinan pengeluaran		
	TP6	Menilai kos dan faedah yang terlibat daripada beberapa alternatif program komuniti/ masyarakat/ kerajaan. Buat pilihan dan penilaian tersebut dan berikan justifikasi		
	<b>1.2 Sistem Ekonomi dan Penyelesaian Masalah Asas Ekonomi</b>			
	TP1	Menyatakan empat masalah asas ekonomi		
	TP2	Memerangkan maksud ringkas sistem ekonomi pasaran bebas, sistem ekonomi perancangan pusat dan sistem ekonomi campuran		
	TP3	Menerangkan ciri-ciri utama sistem ekonomi pasaran bebas, sistem ekonomi perancangan pusat, sistem ekonomi campuran dan sistem ekonomi Islam serta mengenal pasti contoh negara yang mirip kepada sistem berkenaan		
	TP4	Membezakan cara masalah asas ekonomi diuruskan oleh negara-negara yang mirip kepada sistem ekonomi perancangan pusat, sistem ekonomi pasaran bebas dan sistem ekonomi campuran		
	TP5	Membandingkan bagaimana masalah penentuan jenis barang yang hendak dikeluarkan, penentuan kadar upah dan harga diuruskan oleh sistem ekonomi pasaran bebas dan sistem ekonomi perancangan pusat berdasarkan contoh		
	TP6	Mengenal pasti ciri-ciri ekonomi campuran di Malaysia berdasarkan contoh dan memberi cadangan sejauh mana perlunya campur tangan kerajaan		

Tahap Penguasaan Bab 1

TP 1

TP 2

TP 3

TP 4

TP 5

TP 6

BAB	STANDARD PRESTASI		PENCAPAIAN	
	TAHAP PENGUASAAN	DESKRIPTOR	(✓) MENGUASAI	(x) BELUM MENGUASAI
<b>2</b> PASARAN	<b>2.1 Keseimbangan Pasaran</b>			
	TP1	Menyatakan hubungan antara harga dengan kuantiti diminta dan ditawarkan		
	TP2	Membina jadual permintaan dan penawaran individu dan pasaran serta mengaitkannya dengan hukum permintaan dan penawaran		
	TP3	Mengenal pasti dan menghuraikan penentu permintaan dan penentu penawaran berdasarkan situasi yang diberi serta membezakan antara perubahan kuantiti diminta/ditawar dengan perubahan permintaan/penawaran sesuatu barang berdasarkan keluk		
	TP4	Memaparkan dan menjelaskan dengan gambar rajah penentuan harga dan kuantiti pasaran melalui mekanisme harga		
	TP5	Menganalisis kesan perubahan dalam permintaan dan penawaran ke atas harga keseimbangan pasaran, kuantiti diminta dan kuantiti ditawarkan berdasarkan situasi		
	TP6	Menilai keputusan yang diambil oleh seorang usahawan berdasarkan kepada keluk permintaan dan keluk penawaran barang dan perkhidmatan yang hendak dikeluarkan		
	<b>2.2 Keanjalan Harga</b>			
	TP1	Memberi maksud keanjalan harga permintaan dan keanjalan harga penawaran		
	TP2	Membezakan antara keanjalan harga permintaan/penawaran anjal dengan keanjalan harga permintaan/penawaran tak anjal berdasarkan gambar rajah		
	TP3	Menjelaskan penentu keanjalan permintaan dan penentu keanjalan penawaran berdasarkan situasi		
	TP4	Menggunakan pengiraan jumlah hasil untuk menunjukkan perhubungan di antara perubahan harga dengan perubahan jumlah hasil untuk keanjalan yang berbeza		
	TP5	Menganalisis perbezaan keanjalan harga penawaran di antara barang perkilangan dan barang pertanian		
	TP6	Menilai kewajaran tindakan firma dan kerajaan membuat keputusan berdasarkan keanjalan harga permintaan		

Tahap Penguasaan Bab 2

TP 1

TP 2

TP 3

TP 4

TP 5

TP 6

BAB	STANDARD PRESTASI		PENCAPAIAN	
	TAHAP PENGUASAAN	DESKRIPTOR	(✓) MENGUASAI	(x) BELUM MENGUASAI
<b>3</b> WANG, BANK DAN PENDAPATAN INDIVIDU	<b>3.1 Wang dan Bank</b>			
	TP1	Menyenaraikan fungsi wang, bank pusat dan bank perdagangan		
	TP2	Menjelaskan fungsi wang, bank pusat dan bank perdagangan		

BAB	STANDARD PRESTASI		PENCAPAIAN		
	TAHAP PENGUASAAN	DESKRIPTOR	(✓) Menguasai	(x) BELUM Menguasai	
<b>3</b> <b>WANG, BANK DAN</b> <b>PENDAPATAN</b> <b>INDIVIDU</b>	TP3	Mengenal pasti pelbagai produk perbankan termasuk produk berlandaskan prinsip syariah dan mengaitkannya dengan fungsi bank			
	TP4	Membanding beza fungsi bank perdagangan dengan bank pusat			
	TP5	Menganalisis kelebihan dan kekurangan jenis-jenis tabungan dan pinjaman berdasarkan contoh			
	TP6	Mencadangkan perkhidmatan bank perdagangan yang terbaik untuk keperluan tertentu dan memberi justifikasi berdasarkan analisis maklumat dari pelbagai sumber			
	<b>3.2 Pendapatan Individu</b>				
	TP1	Menyenaraikan jenis pekerjaan yang terdapat dalam setiap sektor ekonomi			
	TP2	Menerangkan faktor pemilihan pekerjaan			
	TP3	Mengenal pasti pelbagai jenis pendapatan orang dewasa dan kaitannya dengan jenis pendapatan			
	TP4	Menganalisis jenis-jenis pekerjaan di pasaran dan membuat keputusan pemilihan pekerjaan berdasarkan kriteria ditetapkan			
	TP5	Membuat ramalan tentang jenis dan trend pekerjaan di masa hadapan dan memberikan justifikasi			
	TP6	Mengenal pasti matlamat kerjaya dan mewujudkan pelan dan jadual waktu untuk mencapainya, termasuk keperluan pendidikan/latihan, kos dan kemungkinan hutang yang ditanggung			
	<b>3.3 Penggunaan Pendapatan Individu</b>				
	TP1	Menyatakan maksud pendapatan boleh guna dan mengenal pasti pelbagai jenis potongan wajib			
	TP2	Menerangkan penggunaan pendapatan boleh guna dari aspek perbelanjaan pendapatan, belanjawan peribadi dan perancangan kewangan peribadi			
	TP3	Menghuraikan berserta contoh cara berbelanja dan mengurus belanjawan dengan berhemah serta merancang kewangan peribadi dengan bijak untuk kesejahteraan masa hadapan			
	TP4	Menerangkan kepentingan belanjawan peribadi dan membandingkan belanjawan peribadi antara beberapa kumpulan individu serta membincangkan perbezaan tersebut			
	TP5	Menganalisis dan membandingkan pelbagai jenis simpanan dan pelaburan peribadi			
	TP6	Menilai beberapa potensi pelaburan dan membuat keputusan pelaburan peribadi dengan mempertimbangkan tahap risiko dan pulangan			

Tahap Penguasaan Bab 3

TP 1

TP 2

TP 3

TP 4

TP 5

TP 6

BAB	STANDARD PRESTASI		PENCAPAIAN	
	TAHAP PENGUASAAN	DESKRIPTOR	(✓) Menguasai	(X) BELUM Menguasai
<b>4</b> PENGELUARAN	<b>4.1 Konsep Pengeluaran, Kos dan Hasil</b>			
	TP1	Menyatakan maksud pengeluaran, kos, jumlah hasil dan untung		
	TP2	Menjelaskan fungsi pengeluaran jangka pendek, kos pengeluaran, jumlah hasil dan untung berdasarkan jadual		
	TP3	Menghitung kos pengeluaran, jumlah hasil dan untung serta menentukan tingkat pengeluaran paling cekap berdasarkan jadual atau situasi		
	TP4	Mengenal pasti pengeluaran jangka pendek berdasarkan contoh pengeluaran suatu barang		
	TP5	Menganalisis jadual yang menunjukkan hubungan antara perubahan output dengan perubahan dalam jumlah kos, kos purata dan kos marginal dan mengenal pasti tahap di mana firma perlu tutup perniagaan		
	TP6	Dengan menggunakan konsep kos dan hasil, murid mencadangkan strategi untuk menambah baik sesuatu perniagaan		
	<b>4.2 Produktiviti dan Eksternaliti</b>			
	TP1	Menyatakan maksud produktiviti dan eksternaliti		
	TP2	Menjelaskan faktor yang mempengaruhi produktiviti dan faktor yang menyebabkan eksternaliti		
	TP3	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengenal pasti dan menerangkan faktor yang mempengaruhi produktiviti berdasarkan contoh</li> </ul>		
		<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengenal pasti eksternaliti positif (faedah sosial) dan eksternaliti negatif (kos sosial) berdasarkan contoh</li> </ul>		
	TP4	Menganalisis dan menilai kewujudan eksternaliti negatif dan positif berdasarkan contoh		
	TP5	Menilai kos dan faedah persendirian serta kos dan faedah sosial berkaitan dengan satu projek pembangunan		
	TP6	Mencadangkan dasar untuk mengurangkan pencemaran persekitaran yang disebabkan oleh dasar sedia ada dengan mengenal pasti faedah sosial dan kos sosial kedua-dua dasar sedia ada dan dasar yang dicadangkan		

Tahap Penguasaan Bab 4

TP 1

TP 2

TP 3

TP 4

TP 5

TP 6

# Pengenalan kepada Ekonomi



## Situasi 1

- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_

## Situasi 2

- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_

## KUASAI Nota Pintas

- Definisi ekonomi
  - Merupakan bidang sains sosial
  - Bagaimana manusia memperuntukkan sumber ekonomi yang terhad
  - Memenuhi kehendak manusia yang tidak terhad
- Faktor pengeluaran

Jenis	Tanah	Buruh	Modal	Usahawan
Maksud	Anugerah alam semula jadi	Tenaga manusia dari segi mental dan fizikal	Wang dan alatan	Individu yang menggabungkan faktor pengeluaran
Ganjaran	Sewa	Upah	Faedah	Untung
Jumlah	Terhad	Terhad	Terhad	Terhad
Contoh	Sumber alam	Pekerja mahir dan tidak mahir	Modal perniagaan	Pengusaha bas sekolah

- Unit ekonomi

<b>Isi rumah/individu</b>	Individu yang tinggal di dalam sebuah rumah
<b>Firma</b>	Pengeluar barang dan perkhidmatan
<b>Kerajaan</b>	Pihak yang memerintah sebuah negara

- Masalah ekonomi – kekurangan / pilihan / kos lepas

Masalah ekonomi	Unit ekonomi		
	Individu	Firma	Kerajaan
Kekurangan	Pendapatan terhad tetapi kehendak tidak terhad	Sumber ekonomi terhad tetapi projek tidak terhad	Sumber hasil terhad tetapi projek pembangunan tidak terhad
Pilihan	Barang yang memberi kepuasan maksimum	Projek yang membawa untung maksimum dan kos minimum	Projek pembangunan yang membawa kebajikan maksimum kepada masyarakat
Kos lepas	Nilai barang kedua terbaik	Projek kedua terbaik	Projek pembangunan kedua terbaik


- Keluk kemungkinan pengeluaran

**Maksud:** Had maksimum gabungan dua jenis barang yang dapat dihasilkan oleh sebuah ekonomi dengan menggunakan semua faktor pengeluaran sedia ada dan tingkat teknologi tertentu.

**Andaian:**

- Mengeluarkan dua jenis barang
- Tingkat teknologi tetap
- Ekonomi mencapai guna tenaga penuh
- Faktor pengeluaran tetap dan terhad

**Contoh:**



Titik	Maksud
A	Semua faktor pengeluaran digunakan untuk menghasilkan barang Y sahaja.
B	Sebanyak 800 unit barang X dan 450 unit barang Y dikeluarkan dengan menggunakan semua faktor pengeluaran.
C	Sebanyak 1 600 unit barang X dan 300 unit barang Y dikeluarkan dengan menggunakan semua faktor pengeluaran.
D	Semua faktor pengeluaran digunakan untuk menghasilkan barang X sahaja.
W	Ada pembaziran sumber kerana bukan semua faktor pengeluaran digunakan dengan sepenuhnya.
Y	Ketidakupayaan ekonomi mengeluarkan barang X dan Y kerana kekurangan sumber ekonomi.

6. Masalah asas ekonomi

Jenis	Maksud	Penyelesaian
<b>Apa</b>	Jenis barang	Mekanisme pasaran atau permintaan masyarakat
<b>Berapa</b>	Kuantiti/ bilangan/ jumlah barang	Mekanisme pasaran atau permintaan masyarakat
<b>Bagaimana</b>	Teknik/ kaedah/ cara pengeluaran	Intensif buruh atau modal Untung maksimum dan kos minimum
<b>Untuk siapa</b>	Agihan barang/ pengguna	Agihan pendapatan atau kuasa beli


7. Ciri-ciri sistem ekonomi

Jenis Ciri	Sistem ekonomi pasaran bebas	Sistem ekonomi perancangan pusat	Sistem ekonomi campuran	Ekonomi Islam
Pemilikan faktor pengeluaran	Individu dan swasta	Kerajaan	Swasta dan kerajaan	Tuhan (Allah)
Penentu kehendak	Pengguna bebas menentukan penggunaan dan pengeluar bebas menentukan aktiviti pengeluaran	Kerajaan menentukan penggunaan dan pengeluaran	Swasta ikut mekanisme pasaran manakala kerajaan keluarkan barang awam	Swasta ikut mekanisme pasaran dan ikut syariah manakala kerajaan keluarkan barang awam
Pembuat pilihan	Pengguna dan pengeluar bebas membuat pilihan	Pengguna dan pengeluar tidak bebas membuat pilihan	Pengguna dan pengeluar bebas membuat pilihan dengan kawalan kerajaan	Pengguna dan pengeluar bebas membuat pilihan berdasarkan syariah dengan kawalan kerajaan



**SP 1.1.1** Mentakrif ilmu ekonomi

1. Rajah di bawah menunjukkan maklumat tentang “Ilmu Ekonomi”.



Apakah yang dimaksudkan dengan “Ilmu Ekonomi” dengan menggunakan maklumat dalam rajah di atas?

Ilmu ekonomi ialah bidang sains sosial yang mengkaji cara menguruskan sumber ekonomi yang terhad dalam memenuhi kehendak manusia yang tidak terhad.

**SP 1.1.2** Menjelaskan konsep kekurangan dan pilihan berasaskan sumber ekonomi terhad dan kehendak tidak terhad

2. Isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai. **TP1**

- (a) Kehendak manusia ialah (i) keinginan manusia terhadap barang dan perkhidmatan untuk hidup dengan lebih selesa.
- (b) Kekurangan merujuk situasi di mana (i) sumber ekonomi yang sedia ada tidak mencukupi untuk memenuhi (ii) kehendak manusia yang tidak terhad.
- (c) Masalah pilihan wujud apabila unit ekonomi perlu (i) membuat keputusan tentang (ii) kehendak yang perlu dipenuhi dahulu dan ia melibatkan (iii) pengorbanan.

**SP 1.1.3** Mendefinisikan faktor pengeluaran iaitu tanah, buruh, modal dan usahawan


3. Nyatakan faktor pengeluaran berdasarkan pernyataan yang berikut.

Pernyataan		Faktor pengeluaran
(i)	Sanggup menanggung risiko	Usahawan
(ii)	Menyumbangkan tenaga mental dan fizikal	Buruh
(iii)	Individu yang kreatif dan inovatif	Usahawan
(iv)	Anugerah daripada alam semula jadi	Tanah
(v)	Berbentuk wang atau alatan	Modal
(vi)	Menggabung dan menyelaraskan faktor pengeluaran	Usahawan
(vii)	Terdiri daripada sumber yang boleh diperbaharui dan sumber tidak boleh diperbaharui	Tanah
(viii)	Digunakan untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan	Modal

Cuba jawab **Praktis SPM K2, S1(a), m/s 25**

SP 1.1.4 Mendefinisikan kos lepas

4. Gambar rajah di bawah menunjukkan sesuatu masalah ekonomi. **TP 1**



Berdasarkan rajah di atas, isi tempat kosong bagi pernyataan berikut.

- (a) X merujuk kepada kos lepas.
- (b) X merupakan (i) faedah daripada barang atau perkhidmatan (ii) kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan apabila membuat sesuatu pilihan.

5. Lengkapkan jadual di bawah. **TP 3**

Unit ekonomi	Isi rumah	Firma	Kerajaan
Maksud	Seorang atau sekumpulan individu yang tinggal dalam sebuah rumah	Unit ekonomi yang merancang penggunaan faktor pengeluaran untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan	Unit ekonomi yang mempunyai kuasa untuk membuat dan menguatkuasakan undang-undang untuk menjaga kestabilan ekonomi
Kekurangan	Kekurangan pendapatan wang	Kekurangan faktor pengeluaran	Kekurangan hasil negara
Matlamat pilihan	Bermatlamatkan kepuasan maksimum	Bermatlamatkan keuntungan maksimum	Bermatlamatkan kebajikan rakyat yang maksimum
Kos lepas	Kepuasan yang mungkin daripada barang kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan	Keuntungan yang mungkin daripada keluaran kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan	Kebajikan yang mungkin diperoleh daripada projek pembangunan kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan


Cuba jawab **Praktis SPM K2, S2(a), m/s 26**



SP 1.1.5 Menganalisis sesuatu situasi untuk menerangkan kos lepas

SP 1.1.6 Menilai implikasi pilihan yang dibuat oleh individu, kerajaan atau masyarakat dari aspek kos lepas dengan menggunakan contoh

6. Gambar di bawah menunjukkan perbualan antara Puan Dalila dan anaknya, Munirah. **TP 3 TP 4**



(a) Jelaskan masalah ekonomi yang dihadapi oleh unit ekonomi tersebut.

Puan Dalila menghadapi kekurangan pendapatan. Hanya memiliki sebanyak RM1 200 sahaja.

(b) Bagaimanakah Puan Dalila membuat pilihan?

Puan Dalila akan memilih barang yang dapat memberikan kepuasan yang maksimum. Puan Dalila memilih televisyen kerana memberikan kepuasan yang maksimum kerana televisyen lama sudah rosak hampir selama enam bulan, lagipun televisyen boleh digunakan oleh semua orang ahli keluarga.

(c) Berdasarkan jawapan anda di (b), jelaskan kesan pilihan yang dibuat oleh Puan Dalila.

Kepuasan daripada barang kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan iaitu komputer riba.

**Cuba jawab** Praktis SPM K2, S1(c), m/s 25

7. Maklumat di bawah berkaitan dengan masalah ekonomi sebuah firma. **TP 3 TP 4**

Pihak pengurusan Syarikat Zawiyah mencadangkan dua projek baharu untuk pembangunan perniagaan syarikat pada tahun 2018. Projek-projek yang dicadangkan merupakan projek pasar raya di Rawang, Selangor dan pembinaan sebuah hotel lima bintang di Seremban, Negeri Sembilan. Disebabkan kekangan kewangan, Lembaga Pengarah memutuskan untuk meneruskan projek hotel dan menangguhkan projek pasar raya.

(a) Jelaskan masalah ekonomi yang dihadapi oleh unit ekonomi tersebut.

Syarikat Zawiyah menghadapi kekurangan faktor pengeluaran / sumber ekonomi.

- (b) Bagaimanakah syarikat tersebut membuat pilihan?

Syarikat akan memilih projek yang dapat memberikan keuntungan yang maksimum iaitu memilih projek hotel kerana memberikan keuntungan yang maksimum.

- (c) Berdasarkan jawapan anda di (b), jelaskan kesan pilihan yang dibuat oleh Syarikat Zawiyah.

Keuntungan daripada projek kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan iaitu projek pasar raya.

8. Perbualan di bawah berkaitan dengan masalah ekonomi yang dihadapi oleh kerajaan. **TP 3 TP 4**

Pemberita : Apa pelan pembangunan Yang Berhormat untuk membangunkan Bandar Mahkota?

Wakil rakyat : Terdapat tiga isu yang perlu diselesaikan dengan segera iaitu pembinaan jambatan di Sungai Dalam bernilai RM80 juta, naik taraf jalan bernilai RM70 juta dan pembinaan 6 blok bangunan tambahan untuk sekolah-sekolah di Bandar Mahkota bernilai RM60 juta. Disebabkan kerajaan hanya meluluskan peruntukan sebanyak RM100 juta, saya akan meluluskan projek pembinaan bangunan sekolah dahulu.

- (a) Jelaskan masalah ekonomi yang dihadapi oleh unit ekonomi tersebut.

Kerajaan menghadapi kekurangan sumber hasil negara. Hanya memiliki sebanyak RM100 juta sahaja.

- (b) Bagaimanakah kerajaan membuat pilihan?

Kerajaan akan memilih projek pembangunan yang dapat memberikan kebajikan masyarakat yang maksimum serta mampu dilaksanakan iaitu memilih projek pembinaan bangunan sekolah kerana memberikan kebajikan masyarakat yang maksimum.

- (c) Berdasarkan jawapan anda di (b), jelaskan kesan pilihan yang dibuat oleh kerajaan.

Kebajikan daripada projek pembangunan kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan iaitu projek pembinaan jambatan.



**SP 1.1.6** Menilai implikasi pilihan yang dibuat oleh individu, kerajaan atau masyarakat dari aspek kos lepas dengan menggunakan contoh

9. Jadual di bawah berkaitan dengan pengeluaran Syarikat Seri Santai.

Teknik Pengeluaran	Sos Cili (botol)	Sos Tiram (botol)
W	0	100
X	20	80
Y	60	50
Z	80	20

Hitungkan kos lepas yang dihadapi oleh Syarikat Seri Santai, jika menukar teknik pengeluaran daripada X kepada Z.

$$\begin{aligned} \text{Kos lepas} &= 80 - 20 \\ &= 60 \text{ botol sos tiram} \end{aligned}$$

10. Maklumat berikut menunjukkan pilihan kaedah pengeluaran Syarikat Diwali Berhad. **TP 5**

Keluaran (unit)	Kaedah P	Kaedah Q
Kasut sukan	5 000	2 600
Kasut sekolah	4 000	7 000

(a) Hitungkan kos lepas yang dihadapi oleh syarikat tersebut, jika menukar kaedah pengeluaran daripada kaedah P kepada kaedah Q.

$$\begin{aligned} \text{Kos lepas} &= 5\,000 - 2\,600 \\ &= 2\,400 \text{ unit kasut sukan} \end{aligned}$$

(b) Mengapakah syarikat tersebut menghadapi masalah di 10(a)?

- Syarikat Diwali menghadapi kekurangan faktor pengeluaran / sumber ekonomi.
- Sumber ekonomi / faktor pengeluaran yang dimiliki hanya cukup untuk mengeluarkan kaedah P atau kaedah Q.
- Jika syarikat memilih untuk menggunakan kaedah Q, syarikat perlu melepaskan 2 400 kasut sukan.
- Merupakan keluaran / output kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan.

11. Takrifkan Keluk Kemungkinan Pengeluaran (KKP).

Keluk Kemungkinan Pengeluaran (KKP) ialah keluk yang menunjukkan had maksimum tingkat pengeluaran yang dapat dicapai oleh sebuah ekonomi dengan menggunakan faktor pengeluaran yang ada dan tingkat teknologi tertentu.


12. Dengan menggunakan peta i-THINK yang sesuai, tunjukkan andaian keluk kemungkinan pengeluaran.



13. Jadual di bawah menunjukkan dua jenis barang yang dikeluarkan oleh sesuatu firma.

Kaedah pengeluaran	Baju (helai)	Seluar (helai)
A	0	60
B	10	56
C	20	50
D	30	40
E	40	30
F	50	16
G	60	0


Lukiskan keluk kemungkinan pengeluaran baju dan seluar dengan menggunakan kertas graf berikut.



Cuba jawab **Praktis SPM K2, S2(c), m/s 27**

SP 1.1.7 Menganalisis keluk kemungkinan pengeluaran untuk menunjukkan kos lepas

14. Rajah di bawah merupakan satu keluk kemungkinan pengeluaran.



(a) Yang manakah titik tidak boleh dicapai oleh ekonomi?

Titik G

(b) Yang manakah titik dianggap tidak cekap?

Titik F

(c) Jelaskan keadaan kombinasi pengeluaran di titik F.

Titik F berada dalam kawasan keluk kemungkinan pengeluaran. Ini menunjukkan berlaku ketidakcekapan pengeluaran dalam ekonomi. Ekonomi gagal menggunakan semua faktor pengeluaran dengan cekap. Ada pengangguran dalam faktor pengeluaran. Ekonomi belum mencapai guna tenaga penuh.

(d) Jelaskan keadaan kombinasi pengeluaran di titik G.

Titik G berada di luar kawasan keluk kemungkinan pengeluaran. Ini menunjukkan ketidakupayaan pengeluaran dalam ekonomi. Faktor pengeluaran terhad. Ekonomi belum mencapai guna tenaga penuh. Hanya boleh dicapai jika ada peningkatan teknologi atau peningkatan dalam faktor pengeluaran yang sedia ada.

(e) Hitungkan kos lepas sekiranya titik pengeluaran berubah dari B ke C.


$$\begin{aligned} \text{Kos lepas} &= \frac{90 - 120}{60 - 40} \\ &= -1.5 \end{aligned}$$

(f) Hitungkan kos lepas sekiranya titik pengeluaran berubah dari D ke C.

$$\begin{aligned} \text{Kos lepas} &= \frac{40 - 90}{80 - 60} \\ &= -2.5 \end{aligned}$$



15. Rajah di bawah berkaitan pengeluaran dua jenis barang oleh sebuah perniagaan. **TP 5**



Jika anda sebagai pemilik perniagaan tersebut, kombinasi pengeluaran manakah yang menjadi pilihan untuk memperoleh untung yang maksimum? Jelaskan.

#### Kombinasi T

- Memilih untuk mengeluarkan baju blous sahaja
- Merupakan keperluan bagi isi rumah terutama wanita
- Digunakan sebagai pakaian harian untuk riadah / ke tempat kerja
- Pakaian lebih *casual* untuk wanita berbanding baju kurung / baju kebaya
- Sentiasa mempunyai permintaan dalam pasaran
- Tidak perlu menyimpan stok yang lama / menyediakan ruang menyimpan yang besar
- Dapat membeli bahan mentah dalam kuantiti yang besar
- Dapat menikmati ekonomi bidangan
- Setiap unit barang dapat dijual dengan harga yang rendah / mampu milik semua pengguna
- Mampu menarik wanita Melayu, Cina, India dan bumiputera Sabah dan Sarawak

#### Kombinasi X

- Memilih mengeluarkan langsir sahaja
- Sangat menjadi tumpuan pada musim perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri
- Harga tidak mempengaruhi permintaan pengguna kerana cita rasa mengatasi segalanya
- Pasaran mampu dilakukan melalui media sosial seperti Facebook / Instagram / Tik Tok
- Dapat memasarkan ke seluruh negara tanpa membuka premis di setiap negeri / daerah
- Dapat menjimatkan kos pengeluaran seperti penggunaan tenaga kerja di bahagian pemasaran / promosi
- Kadar keuntungan perniagaan menjadi lebih besar kerana harga di pasaran tidak perlu diturunkan selaras dengan matlamat firma memaksimumkan keuntungan dan meminimumkan kos

#### Kombinasi V

- Mengeluarkan 170 unit baju melayu dan 20 unit baju kurung
- Kedua-dua barang merupakan barang keperluan

16. Maklumat di bawah berkaitan dengan Projek Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL). TP 6

**Projek Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL)**

Projek Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL) sepanjang 620 kilometer (km) bernilai RM55 bilion akan dibina dan dibiayai oleh China. Kontrak pembinaan dianugerahkan kepada syarikat *China Communication Construction Company Ltd (CCCC)* manakala perjanjian kewangan akan dibuat dengan *Export-Import Bank of China (EXIM)*. Pembinaan landasan itu akan memudahkan pelbagai produk keluaran pantai timur dibawa ke pantai barat, terutama Pelabuhan Klang. Ini akan menjadikan pasaran lebih kompetitif disebabkan kos pengangkutan rendah, selain menaikkan taraf hidup penduduk. Projek itu boleh dimulakan pada tahun hadapan jika semua urusan berkaitan selesai pada hujung tahun ini. Projek ECRL dijangka dapat membantu pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) iaitu kawasan seluas lebih 66 000 kilometer persegi atau 51% daripada keluasan Semenanjung Malaysia dengan jumlah penduduk seramai 4.43 juta (tahun 2014). ECER merangkumi negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang serta daerah Mersing di Johor.

*(Dipetik dan disesuaikan daripada: <http://www.bharian.com.my>)*

Buat kajian tentang kos dan faedah projek tersebut, berikan pendapat anda tentang pelaksanaan projek ini.

Kos:

- Kos yang terlibat dalam projek ini ialah RM55 bilion yang dipinjam dari China.
- Kerajaan juga terpaksa membayar faedah untuk pinjaman tersebut.
- Ini akan menyebabkan kerajaan terpaksa menangguhkan projek pembangunan lain kerana peningkatan perbelanjaan kerajaan untuk membayar faedah serta pokok pinjaman.
- Kos penyelenggaraan dan kos operasi lain yang terlibat dalam projek ini.
- Kos lain seperti kemusnahan hutan dan peningkatan aktiviti ekonomi menyebabkan kesesakan serta pencemaran alam sekitar seperti pencemaran udara.

Faedah:

- Penjimatan masa perjalanan.
- Penjimatan kos pengangkutan.
- Mempelbagaikan aktiviti ekonomi di pantai timur.
- Peningkatan peluang pekerjaan.
- Peningkatan pendapatan masyarakat.
- Peningkatan taraf hidup masyarakat.
- Mempelbagaikan pilihan barangan.
- Menurunkan harga barangan akibat pilihan yang banyak.

(Terima jawapan lain yang munasabah)

17. Maklumat di bawah berkaitan dengan sebuah kempen yang dilaksanakan oleh kerajaan. **TP 6**

### **Galakan Membawa Beg Kitar Semula Semasa Membeli-Belah Di Wilayah Persekutuan**

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) telah memperkenalkan penggunaan plastik biodegradasi bagi mengatasi masalah kos pengurusan sisa pepejal plastik biasa yang tinggi dan pencemaran alam sekitar sejak tahun 2016. Malah, KWP turut mengadakan pelbagai kempen “No Polistrene & Plastic Bag” serta aktiviti kesedaran dalam mendidik warga Wilayah Persekutuan ke arah bandar hijau (*green city*). Melalui pelaksanaan kempen ini, Wilayah Persekutuan telah lebih ke hadapan berbanding negeri lain. Inisiatif hijau yang telah diperkenalkan dan dilaksanakan di Wilayah Persekutuan sejak 2016 kini telah menjadi agenda negara. Kerajaan melalui Kementerian Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) telah mula melaksanakan *Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics 2018-2030* bagi mengatasi masalah pencemaran sisa plastik. Malah, MESTECC turut membenarkan semua kerajaan negeri termasuk Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan mengenakan caj pencemaran sebanyak RM0.20 kepada setiap beg plastik yang digunakan oleh pengguna semasa membeli-belah. Caj pencemaran di Wilayah Persekutuan akan mula dilaksanakan pada 15 Mac 2019 dan caj tersebut hanya boleh dikenakan ke atas setiap beg plastik biodegradasi, manakala tindakan penguatkuasaan diteruskan kepada peniaga dan penjaja yang masih menggunakan beg plastik konvensional.

(Sumber: <http://www.ptgwp.gov.my>)

Kempen tersebut memberi manfaat kepada masyarakat. Jelaskan pendapat anda.

Saya menyokong pelaksanaan kempen ini kerana:

- Beg plastik konvensional mencemarkan alam sekitar.
- Plastik tidak terurai secara semula jadi.
- Ini menggalakkan jangkitan penyakit seperti demam denggi.
- Meningkatkan kos pelupusan.
- Pembakaran plastik mencemarkan udara.
- Pelupusan plastik menjejaskan ekosistem.
- Meningkatkan kos perubatan.
- Menjejaskan produktiviti.
- Meningkatkan kos perniagaan.
- Mewujudkan perubahan sikap manusia kepada kaedah kitar semula.

(Terima jawapan lain yang munasabah)

**KUASAI** PBD FORMATIF **1.2** | **Sistem Ekonomi dan Penyelesaian Masalah Asas Ekonomi** Buku Teks ms. 16 – 35

**SP 1.2.1** Menghuraikan masalah asas ekonomi iaitu apa, berapa, bagaimana dan untuk siapa barang dikeluarkan

18. Senaraikan masalah asas ekonomi. **TP 1**

- (i) Apa yang hendak dikeluarkan
- (ii) Berapa yang hendak dikeluarkan
- (iii) Bagaimana hendak dikeluarkan
- (iv) Untuk siapa dikeluarkan



Masalah asas ekonomi VS Sistem ekonomi

19. Situasi di bawah berkaitan dengan masalah asas ekonomi.

Syarikat Merah Padu Berhad bercadang untuk mengeluarkan 300 000 keping fail kertas. Fail kertas ini sesuai untuk murid sekolah dan juga pelajar kolej. Kilang syarikat ini menggunakan teknologi pengeluaran Taiwan yang dapat menjimatkan kos buruh sehingga 40%.

Jelaskan masalah asas ekonomi yang diselesaikan dalam situasi di atas.

**Apa yang hendak dikeluarkan**

– Masalah ini berkaitan menentukan jenis barang yang hendak dikeluarkan. Ia diselesaikan melalui permintaan masyarakat. Dalam situasi ini, syarikat mengeluarkan fail kertas.

**Berapa yang hendak dikeluarkan**

– Masalah ini berkaitan menentukan kuantiti barang yang hendak dikeluarkan. Ia diselesaikan melalui permintaan masyarakat. Dalam situasi ini, syarikat mengeluarkan 300 000 keping fail kertas.

**Bagaimana hendak dikeluarkan**

– Masalah ini berkaitan menentukan kaedah pengeluaran barang. Ia diselesaikan melalui memilih sama ada kaedah berintensifkan modal atau berintensifkan buruh yang paling cepak dan dapat meminimumkan kos. Syarikat ini menggunakan teknologi pengeluaran Taiwan yang dapat menjimatkan kos buruh sehingga 40%.


**Untuk siapa dikeluarkan**

– Masalah ini berkaitan menentukan pengagihan barang kepada kumpulan pengguna yang menjadi sasaran. Dalam situasi ini, syarikat menyasarkan pelajar sekolah dan juga pelajar kolej.

Cuba jawab **Praktis SPM K2, S2(b), m/s 27**

SP 1.2.2 Menghuraikan masalah asas ekonomi iaitu apa, berapa, bagaimana dan untuk siapa barang dikeluarkan

20. Gambar rajah berikut menunjukkan pengelasan sesebuah sistem ekonomi. TP 2



Berdasarkan rajah di atas, terangkan secara ringkas tentang ketiga-tiga jenis sistem ekonomi.

(a) Sistem ekonomi A

Merupakan sistem ekonomi perancangan pusat. Ia merupakan satu sistem ekonomi yang kerajaan atau badan perancangan pusat berkuasa penuh dalam membuat segala keputusan ekonomi.

(b) Sistem ekonomi C

Merupakan sistem ekonomi pasaran bebas. Ia merupakan satu sistem ekonomi yang individu dan pihak swasta bebas membuat segala keputusan ekonomi tanpa campur tangan kerajaan.

(c) Sistem ekonomi B

Merupakan sistem ekonomi campuran. Satu sistem ekonomi yang menggabungkan pelbagai ciri kebaikan dalam sistem ekonomi pasaran bebas dan sistem ekonomi perancangan pusat.

21. Kenal pasti sistem ekonomi bagi setiap ciri di bawah. TP 3

Ciri	Sistem ekonomi
(a) Sumber ekonomi dimiliki oleh kerajaan	Perancangan pusat
(b) Pengguna dianggap sebagai raja	Pasaran bebas
(c) Keputusan ekonomi dibuat oleh sektor swasta dan sektor kerajaan	Campuran
(d) Motif pengeluaran adalah mengimbangi keuntungan dan kebajikan	Campuran
(e) Tiada persaingan dalam kalangan pengeluar	Perancangan pusat
(f) Pengeluar bermotifkan keuntungan maksimum	Pasaran bebas
(g) Harga ditentukan oleh kuasa permintaan dan penawaran	Pasaran bebas
(h) Sumber ekonomi dimiliki oleh sektor swasta dan sektor kerajaan	Campuran
(i) Pengguna tidak bebas membuat pilihan	Perancangan pusat
(j) Keputusan ekonomi dibuat oleh sektor swasta	Pasaran bebas
(k) Persaingan sihat dalam kalangan pengeluar	Campuran
(l) Sumber ekonomi dimiliki oleh individu dan sektor swasta	Pasaran bebas

22. Lengkapkan jadual di bawah. TP 2

Ciri	Sistem ekonomi pasaran bebas	Sistem ekonomi perancangan pusat	Sistem ekonomi campuran
Pemilikan faktor pengeluaran	Dimiliki oleh individu dan sektor swasta	(a) Dimiliki secara mutlak oleh kerajaan	(b) Dimiliki oleh individu, swasta dan kerajaan
Penentu kehendak	(c) Pengguna dan pihak pengeluar berhak membuat keputusan ekonomi	(d) Segala keputusan ekonomi dibuat oleh kerajaan melalui badan perancangan pusat	Pengguna dan pengeluar membuat keputusan ekonomi dan kerajaan menyediakan barang awam
Pembuat pilihan	(e) Pengguna dan pengeluar bebas membuat pilihan	Individu dan pengeluar tidak mempunyai kebebasan dalam membuat pilihan	(f) Pengguna dan pengeluar bebas membuat pilihan dengan kawalan kerajaan
Contoh negara	Amerika Syarikat	(g) Korea Utara	Malaysia

Cuba jawab Praktis SPM K2, S2(d), m/s 28



**SP 1.2.3** Membincangkan penyelesaian masalah asas ekonomi oleh setiap sistem ekonomi tersebut

23. Perbualan di bawah menunjukkan mesyuarat pengurusan atasan Syarikat Munir Sdn. Bhd. **TP 4**

Pengarah Urusan : Syarikat kita bercadang untuk memasarkan barangan ke luar negara. Ada cadangan?

Pengurus **A** : Saya cadangkan negara *W* di mana menggalakkan persaingan bebas.

Pengurus **B** : Saya cadangkan negara *M*. Walaupun kerajaan bercampur tangan, kami masih boleh mendapatkan keuntungan.

(a) Kenal pasti sistem ekonomi negara *M* dan negara *W*.

Negara *M*: Sistem ekonomi campuran

Negara *W*: Sistem ekonomi pasaran bebas

(b) Bagaimanakah sistem ekonomi di 4(a) menyelesaikan masalah asas ekonomi berikut?

Masalah asas ekonomi	Negara <i>M</i>	Negara <i>W</i>
Apa yang hendak dikeluarkan	Diselesaikan melalui mekanisme pasaran dan kuasa kerajaan. Pihak pengeluar mengeluarkan barang mengikut permintaan masyarakat dan kerajaan menyediakan barang awam	Diselesaikan melalui kuasa permintaan dan kuasa penawaran (mekanisme pasaran) di pasaran
Bagaimana hendak dikeluarkan	Pengeluar akan memilih kaedah pengeluaran paling cekap yang dapat memaksimumkan keuntungan. Kerajaan akan memilih kaedah pengeluaran paling cekap yang dapat memaksimumkan kebajikan masyarakat	Pengeluar akan memilih kaedah pengeluaran paling cekap yang dapat memaksimumkan keuntungan

24. Maklumat di bawah menunjukkan sistem ekonomi yang diamalkan oleh negara *X* dan negara *Y*. TP 5

Negara <i>X</i>	Negara <i>Y</i>
<p>Di negara <i>X</i>, firma milik kerajaan menyediakan barang dan perkhidmatan yang telah ditentukan oleh kerajaan. Keutamaan diberikan kepada pengeluaran barang yang membawa faedah sosial yang tinggi. Kawalan kerajaan ke atas pengeluaran barang menyebabkan tiada persaingan dalam kalangan pengeluar. Harga barang ditentukan oleh kerajaan. Barang tertentu juga diagihkan terus kepada pengguna dengan menggunakan sistem catuan. Kerajaan negara <i>X</i> memastikan semua rakyat dapat memenuhi keperluan asas. Ketiadaan kesatuan sekerja di negara <i>X</i> menyebabkan penentuan kadar upah ditentukan oleh kerajaan. Kadar upah pekerja di negara <i>X</i> juga tidak bergantung kepada daya pengeluaran pekerja.</p>	<p>Di negara <i>Y</i>, sektor swasta dan pengguna mempunyai kebebasan sepenuhnya dalam menentukan jenis dan kuantiti barang yang dikeluarkan. Pengguna dianggap sebagai raja serta keperluan dan cita rasa pengguna diambil kira. Harga barang ditentukan oleh permintaan dan penawaran pasaran. Peningkatan permintaan sesuatu barang akan mewujudkan kekurangan barang di pasaran dan ini menyebabkan harga barang itu meningkat. Di negara <i>Y</i>, rundingan antara majikan dan kesatuan sekerja akan memberi kesan kepada kadar upah yang diterima oleh pekerja. Perbezaan upah dalam kalangan pekerja yang melakukan pekerjaan yang sama mungkin disebabkan kemahiran dan daya pengeluaran pekerja berkenaan.</p>

(a) Kenal pasti sistem ekonomi negara *X* dan negara *Y*.

Negara *X*: Sistem ekonomi perancangan pusat

Negara *Y*: Sistem ekonomi pasaran bebas

(b) Bandingkan cara sistem ekonomi di (a) membuat penentuan berikut:

Aspek	Negara <i>X</i>	Negara <i>Y</i>
Penentuan jenis barang yang hendak dikeluarkan	Ditentukan oleh kerajaan dan barang yang membawa faedah sosial yang tinggi diberi keutamaan	Ditentukan oleh pengguna dan pengeluaran barang berdasarkan cita rasa dan keperluan pengguna
Penentuan harga	Ditentukan oleh kerajaan	Ditentukan oleh kuasa permintaan dan kuasa penawaran
Penentuan kadar upah	Ditentukan oleh kerajaan kerana ketiadaan kesatuan sekerja	Kadar upah yang diterima oleh pekerja bergantung kepada rundingan antara majikan dan kesatuan sekerja





**SP 1.2.4** Menerangkan ciri-ciri utama ekonomi Islam

25. Jelaskan **tiga** ciri-ciri utama ekonomi Islam. **TP 3**

- (a) Sebagai sebahagian daripada keseluruhan sistem hidup Islam di mana keputusan ekonomi berlandaskan al-Quran dan Hadis.
- (b) Wujud persaingan yang adil dan saksama antara individu dalam membuat keputusan ekonomi demi kebajikan dan kesejahteraan di dunia dan akhirat.
- (c) Keseimbangan antara kepentingan individu dan masyarakat di mana prinsip kesederhanaan amat diutamakan.

**Cuba jawab** **Praktis SPM K2**, S1(d), m/s 28

26. Maklumat di bawah menunjukkan ekonomi di Malaysia. **TP 3**

Ekonomi Malaysia merupakan sebuah ekonomi pasaran perindustrian baharu dan ekonomi keempat terbesar di Asia Tenggara serta ke-35 terbesar di dunia. Malaysia merupakan ekonomi ketiga terkaya di Asia Tenggara berdasarkan nilai pendapatan per kapita. Kejayaan perkembangan ekonomi Malaysia disebabkan kerjasama antara sektor swasta dan awam serta pelaksanaan pelbagai dasar kerajaan untuk membangunkan ekonomi negara dan menjaga kebajikan masyarakat. Galakan pelaburan seperti taraf perintis untuk menggalakkan pelaburan asing ke negara kita telah berjaya meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Sebahagian besar sumber hasil kerajaan ialah kutipan cukai pendapatan serta cukai barang dan perkhidmatan yang digunakan untuk pembangunan ekonomi serta penyediaan pelbagai barang awam untuk rakyat Malaysia. Kadar cukai yang tinggi ke atas rokok dan arak telah berjaya mengurangkan penggunaan barang tersebut. Untuk memastikan kebajikan rakyat berpendapatan rendah, kerajaan memperkenalkan pelbagai bantuan seperti subsidi minyak, subsidi pendidikan tinggi serta bantuan sara hidup (BSH). Kerajaan juga menubuhkan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (Mycc) untuk memastikan persaingan sihat dalam kalangan pengeluar serta melindungi kepentingan pengguna. Barangan seperti gula, garam, roti dan minyak masak telah ditetapkan oleh kerajaan sebagai barang kawalan untuk menghindari perbuatan sorokan serta memastikan bekalan barang sentiasa mencukupi. Kerajaan juga menyediakan perkhidmatan pendidikan tinggi dengan kos yang rendah berbanding dengan kemudahan pendidikan sektor swasta yang terlalu tinggi. Ini membantu pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah mampu melanjutkan pelajaran di peringkat sijil, diploma dan ijazah. Pelbagai projek perumahan seperti Projek Perumahan Rakyat (PPR) serta pembinaan rumah kos rendah membantu rakyat berpendapatan rendah supaya memiliki rumah sendiri.

(a) Jelaskan bentuk campur tangan kerajaan dalam sistem ekonomi tersebut.

- Penguatkuasaan undang-undang dan insentif
- Pengenaan cukai
- Program menjaga kebajikan masyarakat
- Memastikan persaingan sihat dalam kalangan pengeluar
- Mengawal bekalan barang keperluan
- Menyediakan barang awam

(b) Ketiadaan kerajaan dalam ekonomi negara banyak memberi kesan buruk kepada ekonomi negara. Jelaskan pendapat anda.

- Setuju
- Agihan pendapatan yang seimbang
- Semua barang / perkhidmatan diagihkan secara sama rata kepada semua masyarakat
- Jurang pendapatan antara masyarakat menjadi kecil
- Kerajaan mengeluarkan barang awam / barang yang diperlukan oleh masyarakat
- Motif kerajaan memaksimumkan kebajikan masyarakat
- Peruntukan sumber ke arah kebajikan rakyat
- Semua faktor pengeluaran diagihkan melalui badan perancangan pusat / mengambil kira kos sosial yang mungkin berlaku
- Pengeluaran secara berskala besar
- Kerajaan dapat melakukan aktiviti pengeluaran secara besar-besaran kerana kerajaan adalah pemilik faktor / pengeluar tunggal dalam pasaran,
- Dapat menikmati ekonomi bidangan / kos pengeluaran lebih rendah
- Harga barangan dalam pasaran turut rendah

#### ATAU

- Tidak setuju
- Pilihan individu terhad
- Semua pilihan / keputusan dibuat oleh kerajaan / masyarakat tidak mempunyai kebebasan
- Masyarakat kurang bermotivasi / insentif bekerja kuat
- Individu tidak dibenarkan mengumpulkan kekayaan secara bebas
- Mendorong individu untuk tidak terus bekerja dan berusaha keras
- Sifat keusahawanan individu terhad
- Keusahawanan / inovasi tidak berkembang pesat kerana tiada persaingan
- Keadaan ekonomi dalam sistem menjadi tidak berkembang maju
- Risiko kesilapan dalam membuat keputusan
- Keputusan ekonomi ditentukan oleh sekumpulan kecil pemerintah di peringkat pusat
- Risiko membuat keputusan yang tidak tepat / boleh menjejaskan kebajikan rakyat

Nota: Jawapan calon tidak boleh bercampur antara huraian setuju dan tidak setuju

Cuba jawab **Praktis SPM K2, S1(d), m/s 26**

# KUASAI SPM

## PRAKTIS SPM

### KERTAS 1

Pilih jawapan yang paling tepat.

1. Antara yang berikut, pernyataan yang manakah menerangkan ilmu ekonomi?
- Buku Teks ms. 2**
- A Sumber ekonomi yang terhad untuk memenuhi kehendak yang tidak terbatas
  - B Sumber ekonomi yang tidak terhad untuk memenuhi kehendak yang terhad
  - C** Sumber ekonomi terhad untuk memenuhi kehendak yang tidak terbatas
  - D Sumber ekonomi yang tidak terhad untuk memenuhi kehendak yang tidak terhad

2. Apakah tujuan individu membuat pilihan dalam menyelesaikan masalah ekonomi?
- Buku Teks ms. 4-5**
- A Mengutamakan keselesaan
  - B Memaksimumkan perbelanjaan
  - C Mengutamakan barang kehendak
  - D** Memaksimumkan utiliti terhadap barang

3. Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah syarikat.

**Buku Teks ms. 4-6**

Syarikat SPK merupakan sebuah syarikat yang mengeluarkan kasut kulit berjenama PinQ. Namun begitu, Syarikat SPK hanya dapat mengeluarkan beg tangan untuk wanita dan terpaksa menanggung pengeluaran kasut kulit.

Apakah masalah ekonomi yang perlu ditimbang oleh syarikat tersebut?

- A Kekurangan
- B Kos lepas
- C** Pilihan
- D Motif

4. Maklumat di bawah menunjukkan ciri suatu sumber ekonomi.

**Buku Teks ms. 7-8**

- Kreatif dan inovatif
- Sanggup menanggung risiko kebakaran

Sumber ekonomi tersebut mungkin merujuk kepada

- A Kementerian Pendidikan Malaysia
- B Penduduk Kampung Teloi Kanan
- C Jabatan Kesihatan Malaysia
- D** Pengusaha Ladang Sawit

5. Antara yang berikut yang manakah **benar** tentang faktor pengeluaran yang mendapat ganjaran untung?

**Buku Teks ms. 7-8**

- I membenarkan orang lain menguruskan hutangnya
  - II Menanggihkan perbelanjaannya pada masa sekarang
  - III Kecekapan menyelaraskan faktor-faktor pengeluaran
  - IV Menggabung sumber ekonomi untuk memaksimumkan keuntungan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D** III dan IV

6. Pernyataan manakah yang **benar** tentang sumber ekonomi buruh dalam konsep ekonomi?

**Buku Teks ms. 7-8**

- A Menyumbang tenaga fizikal dan tenaga mental dalam proses pengeluaran dengan menerima sewa
- B Merupakan pemilik aset tetap dengan menerima upah
- C Menggabungkan sumber ekonomi dengan menerima untung
- D** Wujud mobiliti yang tinggi

7. Pernyataan manakah yang menerangkan kos lepas bagi firma?

**Buku Teks ms. 9-12**

- A Kos yang dibayar walaupun proses pengeluaran tidak dijalankan
- B Perbelanjaan yang tidak dikeluarkan untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan
- C** Keluaran kedua terbaik yang dilepaskan bagi mendapatkan keluaran terbaik
- D Input yang ditambah dalam proses pengeluaran bagi meningkatkan output

8. Jadual 1 menunjukkan kombinasi keluaran sesebuah firma.

**Buku Teks ms. 9-12**

Kombinasi (output)	Ayam (ekor)	Itik (ekor)
P	40	120
Q	60	80
R	80	40


Jadual 1

Jika firma mengubah kombinasi pengeluaran dari P ke R bagi pengeluaran ayam, berapakah kos lepasnya?

- A 40 ekor ayam
- B 80 ekor itik
- C 120 ekor ayam
- D 160 ekor itik

9. Rajah 1 menunjukkan satu keluk kemungkinan pengeluaran.

Buku Teks ms. 13-15




Rajah 1

Titik yang manakah menunjukkan masalah pengangguran?

- A Titik E
- B Titik F
- C Titik G
- D Titik H

10. Rajah 2 menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran sebuah negara.

Buku Teks ms. 13-15



Rajah 2

Antara yang berikut, yang manakah menerangkan kombinasi titik B?

- A Wujud masalah pilihan
- B Ketidakmampuan dalam ekonomi
- C Wujudnya masalah pengangguran
- D Kombinasi pengeluaran yang tidak cekap

11. Maklumat berikut berkaitan dengan masalah asas ekonomi.

Buku Teks ms. 16-18

- Memaksimumkan keuntungan
- Meminimumkan kos pengeluaran

Apakah masalah asas ekonomi yang telah diselesaikan?

- A Apa barangan yang dikeluarkan
- B Untuk siapa hendak dikeluarkan
- C Bagaimana hendak dikeluarkan
- D Berapa yang hendak dikeluarkan

12. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri sebuah sistem ekonomi.

Buku Teks ms. 16-18

Bergantung kepada cita rasa dan permintaan masyarakat.

Masalah asas ekonomi yang manakah dapat diselesaikan dengan sistem ekonomi tersebut?

- A Apa barangan yang dikeluarkan
- B Bagaimana barangan dikeluarkan
- C Berapa barangan yang dikeluarkan
- D Untuk siapa barangan dikeluarkan

13. Pernyataan manakah yang merujuk kepada "untuk siapa barang itu dikeluarkan"?

Buku Teks ms. 20-27

- A Pemilihan pihak yang akan mengagihkan barang itu
- B Penentuan golongan yang akan mengeluarkan barang itu
- C Penentuan golongan yang akan menggunakan barang itu
- D Pemilihan pihak yang akan memasarkan barang itu

14. Maklumat di bawah menunjukkan sebuah ciri sistem ekonomi.

Buku Teks ms. 20-27

- Harga dikawal oleh pihak kerajaan
- Pemberian subsidi kepada pengeluar untuk memaksimumkan kebajikan pengeluar

Apakah sistem ekonomi yang diamalkan oleh negara tersebut?

- A Sistem ekonomi pasaran bebas
- B Sistem ekonomi campuran
- C Sistem ekonomi Islam
- D Sistem ekonomi perancangan pusat

15. Maklumat di bawah berkaitan dengan negara X dan negara Y.

Buku Teks ms. 20-27

Negara X	Negara Y
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Motif adalah mencapai keuntungan maksimum.</li> <li>• Persaingan bebas di kalangan pengeluar.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyediaan barang awam.</li> <li>• Pemilikan sumber oleh sektor swasta dan kerajaan.</li> </ul>

Apakah sistem ekonomi yang diamalkan oleh kedua-dua negara tersebut?



	Sistem ekonomi negara X	Sistem ekonomi negara Y
A	Sistem ekonomi pasaran bebas	Sistem ekonomi perancangan pusat
B	Sistem ekonomi perancangan pusat	Sistem ekonomi pasaran bebas
C	Sistem ekonomi campuran	Sistem ekonomi perancangan pusat
D	Sistem ekonomi pasaran bebas	Sistem ekonomi campuran

16. Apakah tujuan kerajaan campur tangan dalam sistem ekonomi campuran?

Buku Teks ms. 20-27

- A Mencapai guna tenaga penuh
- B Mengawal sosiekonomi
- C Mewujudkan monopoli pasaran
- D Mengurangkan subsidi kepada pengeluar

17. Antara yang berikut, yang manakah persamaan ciri sistem ekonomi Islam dengan sistem ekonomi perancangan pusat?

Buku Teks ms. 32-35

- A Wujud persaingan antara firma
- B Menyediakan barang keperluan
- C Sumber ekonomi dimiliki oleh kerajaan
- D Harga ditentukan oleh mekanisme harga

18. Pasangan yang manakah benar?

Buku Teks ms. 20-35

	Sistem ekonomi	Ciri-ciri
A	Sistem ekonomi perancangan pusat	Pengguna bebas membuat pilihan
B	Sistem ekonomi kapitalis	Sumber ekonomi dikawal sepenuhnya oleh kerajaan
C	Sistem ekonomi campuran	Sumber ekonomi tidak dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan
D	Sistem ekonomi Islam	Motif utama adalah keuntungan yang maksimum

Soalan 19 hingga Soalan 23 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

19. I Kerajaan menghadapi masalah kekurangan buruh untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan.

D

II Tujuan kerajaan membuat pilihan adalah untuk memaksimumkan kepuasan pengguna.

20. I Buruh mempunyai mobiliti geografi yang tinggi.

C

II Kilang tidak mempunyai mobiliti geografi yang tinggi.

21. I Kos lepas merujuk kepada pulangan yang kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan.

II

Kos lepas bagi firma ialah output kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan.

22. I Keluk kemungkinan pengeluaran menunjukkan tahap maksimum tingkat pengeluaran dalam proses pengeluaran.

B

II Titik di sepanjang keluk kemungkinan pengeluaran menunjukkan ekonomi mencapai guna tenaga penuh.

23. I Tujuan kerajaan campur tangan dalam sistem ekonomi campuran ialah mengurangkan kesan pencemaran udara.

A

II Dalam sistem ekonomi campuran, masalah berapa yang hendak dikeluarkan diselesaikan melalui dasar harga.

**KERTAS 2**

**BAHAGIAN A**

1. (a) Maklumat berikut merujuk kepada satu sumber pengeluaran.

Sumber ini mempunyai mobiliti kegunaan dalam proses pengeluaran barang dan perkhidmatan.

Jelaskan ciri-ciri sumber ekonomi tersebut.

- tanah [1m]
- wujud secara semula jadi [1m]
- penawarannya terhad [1m]
- ganjaran adalah sewa [1m]
- tidak mempunyai mobiliti tempat [1m]
- Contoh: lautan, hutan, air [1m]


[4 markah]

(b) Dalam sistem ekonomi campuran, kerajaan menyediakan rumah mampu milik kepada rakyat terutamanya golongan B40. Berikan pandangan anda.

- menyediakan barang keperluan [1m]
- isi rumah / pengguna meneruskan kehidupan [1m]
- meningkatkan imej negara [1m]
- meningkatkan taraf hidup masyarakat [1m]
- tanggungjawab sosial kerajaan / peranan kerajaan sebagai pengeluar [1m]
- kerajaan memastikan lebih ramai rakyat / pengguna mampu memilik rumah sendiri [1m]
- mengurangkan rumah setinggan [1m]

[6 markah]

(c) Rajah 1 menunjukkan satu unit ekonomi.



Rajah 1



Terangkan masalah ekonomi yang dihadapi oleh keluarga itu.

Kekurangan

– isi rumah /Raju menghadapi masalah kekurangan pendapatan [1m]

Pilihan

– isi rumah / Raju pilih almari / peti ais [1m]

– membeli almari RM1 550 / membeli peti ais RM1 800 [1m]

– kepuasan yang maksimum [1m]

Kos lepas

– jika membeli almari kos lepas ialah peti ais/ jika membeli peti ais kos lepas ialah almari [1m]

– barang kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan [1m]

[6 markah]

(d) Terangkan ciri-ciri sistem ekonomi Islam.

– matlamat utama adalah mencapai al-falah/ mencapai kesejahteraan kehidupan [1m]

– segala aktiviti berlandaskan syariat Islam [1m]

– keputusan ekonomi mengikut mengikut hukum Islam, iaitu Al-Quran dan Hadis [1m]

– barang yang tidak halal tidak dapat dikeluarkan [1m]

– wujud persaingan secara adil [1m]

– keseimbangan antara kepentingan individu dan masyarakat [1m]

– individu yang cukup syarat dikehendaki membayar zakat/ merapatkan jurang pendapatan antara orang kaya dengan orang miskin [1m]

[4 markah]

2. (a) Bagaimanakah firma menyelesaikan masalah kekurangan, pilihan dan kos lepas untuk mengeluarkan kasut dan baju? Jelaskan.

– Firma menghadapi masalah kekurangan sumber ekonomi/ faktor-faktor pengeluaran / modal/ buruh [1m]

– Firma membuat pilihan [1m]

– Kasut / baju [1m]

– Supaya memaksimumkan keuntungan [1m]

– Kos lepas adalah output kedua yang terbaik terpaksa dilepaskan [1m]

– Jika firma mengeluarkan kasut kos lepas ialah baju / jika firma mengeluarkan baju kos lepas ialah kasut [1m]

[6 markah]

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan masalah asas ekonomi bagi sebuah syarikat.

Syarikat Tiara Jaya Sendirian Berhad merancang untuk mengeluarkan kain tuala dengan menggunakan intensif buruh asing dari Vietnam.

Terangkan masalah asas ekonomi yang belum diselesaikan oleh syarikat tersebut.

Berapa hendak dikeluarkan? [1m]

– bergantung kepada mekanisme harga/permintaan masyarakat [1m]

Untuk siapa dikeluarkan? [1m]

– golongan yang mempunyai kuasa beli/bergantung kepada agihan pendapatan [1m]


[4 markah]

(c) Jadual 1 menunjukkan kombinasi keluaran barang X dan Y oleh Syarikat Mekar Berhad.

<b>Barang X (unit)</b>	20	19	15	0
<b>Barang Y (unit)</b>	0	1	2	3

Jadual 1

Dengan menggunakan kertas graf, lukiskan keluk kemungkinan pengeluaran berdasarkan maklumat dalam jadual di atas.



[4 markah]





(d) Terangkan ciri-ciri sistem ekonomi kapitalis.

- [Pemilikan sumber \[1m\]](#)
- [Individu/Firma bebas memiliki sumber \[1m\]](#)
- [Pembuat keputusan \[1m\]](#)
- [Keputusan ekonomi dibuat oleh pengguna/pengeluar/swasta \[1m\]](#)
- [Pilihan \[1m\]](#)
- [Pengguna/pengeluar bebas membuat pilihan \[1m\]](#)
- [Penentuan harga \[1m\]](#)
- [Ditentukan oleh mekanisme harga/ditentukan oleh permintaan dan penawaran \[1m\]](#)
- [Motif pengeluaran \[1m\]](#)
- [Memaksimumkan keuntungan semata-mata \[1m\]](#)

[6 markah]

**BAHAGIAN B**

3. Maklumat di bawah berkaitan dengan sesuatu dasar kerajaan.

Dalam pembangunan infrastruktur bertaraf dunia dan tranformasi luar bandar, kerajaan akan melaksanakan beberapa pembaharuan dalam projek pembangunan seperti berikut:

- Projek Persimpangan Bertingkat Lebuhraya Utara-Selatan
- Desa Lestari
- Jalan Luar Bandar
- Bekalan Air Luar Bandar
- Bekalan Elektrik Luar Bandar

- (a) Jelaskan masalah ekonomi yang dihadapi oleh unit ekonomi di atas. [5 markah]
- (b) Mengapakah kerajaan melaksanakan projek-projek tersebut? [9 markah]
- (c) Projek tersebut memberi manfaat terbesar kepada unit ekonomi. Jelaskan. [6 markah]

# APLIKASI **KBAT**

**IDEA** >>> Masalah asas ekonomi | Faktor pengeluaran

1. Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikut.

## Malaysia dilanda ‘cuaca panas’

Disebabkan El-Nino, cuaca di negara Malaysia semakin panas. Dijangkakan cuaca akan menjadi lebih panas pada masa hadapan. Pada masa kini, kebanyakan kawasan di Malaysia dilanda cuaca panas dan kering. Cuaca panas ini dijangka berlanjutan selama beberapa bulan. Menurut laporan berita, kawasan tertentu seperti Cuping, Perlis dan Alor Setar, Kedah mencatat suhu setinggi 38.5 darjah *celcius*.

- (a) Bagaimanakah situasi ini memberi kesan terhadap aktiviti ekonomi negara?
- (b) Bagaimanakah anda boleh menjadikannya sebagai peluang perniagaan?

2. Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikut.

## Lekor King jenama kian popular

Bagi pengasas Lekor King, Mohd Hakim Abu Bakar, idea untuk membuka perniagaan berasaskan keropok lekor ini tercetus daripada keinginannya untuk bergelar usahawan. Lekor King yang terkenal di Pantai Klebang, Melaka turut melakar kejayaan tersendiri apabila semakin mendapat sambutan untuk difrancaiskan.

Menurut Mohd Hakim, ia bermula dengan sebuah gerai di tepi jalan yang terletak di kawasan Kandang, Melaka pada tahun 2013. “Saya hanya bermodal RM400 pada masa itu, jualan sehari RM20 sahaja. Tapi saya tidak berputus asa kerana saya percaya mana-mana perniagaan pun tidak boleh mencapai keuntungan dalam masa singkat. Saya sempat berniaga di situ selama dua minggu dan kemudiannya bertukar kepada lokasi Pantai Klebang (Melaka). Siapa sangka, rezeki saya bermula di situ dan saban hari jualan Lekor King semakin bertambah serta mendapat keuntungan sebanyak empat angka dalam sehari,” katanya yang tidak menafikan kejayaan Lekor King adalah disebabkan lokasi strategik yang menjadi tumpuan ramai.

Menurut Mohd Hakim, dia amat menitikberatkan kualiti produk makanannya dengan memilih keropok lekor dari Terengganu yang terkenal dengan keasliannya.

*(Dipetik dan disesuaikan daripada: Sinar Harian, 28 Februari 2016)*

- (a) Adakah anda bersetuju dengan keputusan Mohd Hakim untuk menjadi seorang usahawan? Berikan alasan anda.
- (b) Mengapakah perniagaan ini dimulakan di Pantai Klebang, Melaka?




Harga baju raya (RM)	Kuantiti diminta (unit)	Kuantiti pasaran (unit)
10		
20		
30		
40		
50		

# KUASAI Nota Pintas

## Permintaan

1. Permintaan bermaksud keinginan dan kemampuan individu untuk membeli sesuatu barang atau perkhidmatan pada tingkat harga dan jangka masa tertentu.
2. **Hukum permintaan:** Apabila harga meningkat, kuantiti diminta berkurang dan sebaliknya apabila harga menurun, kuantiti diminta bertambah.
3. Jadual dan keluk permintaan individu:

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
1	6
2	4
3	2




- Ciri: (i) Mencerun ke bawah dari kiri ke kanan  
 (ii) Mempunyai kecerunan negatif  
 (iii) Menunjukkan hubungan songsang antara harga dan kuantiti diminta

4. Permintaan pasaran merujuk kuantiti sesuatu barang atau perkhidmatan yang diminta oleh semua individu pada tingkat harga dan jangka masa tertentu.
5. Penentu permintaan terdiri daripada:
  - (a) Harga barang itu
  - (b) Penentu bukan harga barang itu
    - (i) Harga barang lain
    - (ii) Cita rasa
    - (iii) Pendapatan
    - (iv) Musim
    - (v) Jangkaan harga masa depan
    - (vi) Dasar kerajaan

## Penawaran

1. Penawaran bermaksud kuantiti sesuatu barang atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh sebuah firma pada tingkat harga dan jangka masa tertentu.
2. **Hukum penawaran:** Apabila harga meningkat, kuantiti ditawarkan meningkat dan apabila harga menurun, kuantiti ditawarkan menurun.
3. Jadual dan keluk penawaran firma:

Harga (RM)	Kuantiti ditawarkan (unit)
4	50
6	70
8	90




- Ciri: (i) Mencerun ke atas dari kiri ke kanan  
 (ii) Mempunyai kecerunan positif  
 (iii) Menunjukkan hubungan langsung antara harga dan kuantiti ditawarkan

4. Penawaran pasaran merujuk kuantiti sesuatu barang atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh semua firma dalam pasaran pada tingkat harga dan jangka masa tertentu.
5. Penentu penawaran terdiri daripada:
  - (a) Harga barang itu
  - (b) Penentu bukan harga barang itu
    - (i) Harga faktor pengeluaran
    - (ii) Jangkaan harga masa depan
    - (iii) Cuaca
    - (iv) Tingkat teknologi
    - (v) Matlamat pengeluaran
    - (vi) Dasar kerajaan




**Keseimbangan Pasaran**

Harga (RM)	Kuantiti permintaan (unit)	Kuantiti penawaran (unit)	Keadaan pasaran	Tindak balas harga	Implikasi
2	15	5	Lebih permintaan	Naik	Permintaan turun, penawaran naik
3	10	10	Keseimbangan	Tetap	Tidak berubah
4	5	15	Lebih penawaran	Turun	Permintaan naik, penawaran turun



**Perubahan Keseimbangan**





**Keanjalan Harga Permintaan**

Keanjalan harga permintaan mengukur tindak balas perubahan harga ke atas kuantiti diminta sesuatu barang.

Rumus 1	Rumus 2	Rumus 3
$E_d = \frac{\frac{Q_1 - Q_0}{Q_0} \times 100}{\frac{P_1 - P_0}{P_0} \times 100}$	$E_d = \frac{\% \Delta Q}{\% \Delta P}$	$E_d = \frac{Q_1 - Q_0}{Q_0} \times \frac{P_0}{P_1 - P_0}$



Jenis	Anjal	Tak anjal
Nilai	Lebih daripada satu ( $E_d > 1$ ).	Kurang daripada satu ( $E_d < 1$ ).
Maksud	Peratus perubahan kuantiti diminta lebih besar daripada peratus perubahan harga.	Peratus perubahan harga lebih besar daripada peratus perubahan kuantiti diminta.
Tafsir	$E_d=1.5$ : Perubahan harga sebanyak 1% menyebabkan perubahan kuantiti diminta sebanyak 1.5%.	$E_d=0.5$ : Perubahan harga sebanyak 1% menyebabkan perubahan kuantiti diminta sebanyak 0.5%.

Jenis	Anjal	Tak anjal
Keluk		
<b>Penentu keanjalan harga permintaan</b>		
<ul style="list-style-type: none"> <li>Jenis barangan</li> <li>Faktor jangka masa</li> <li>Bilangan barang pengganti</li> <li>Nisbah perbelanjaan dengan pendapatan</li> <li>Bilangan kegunaan</li> <li>Ketagihan</li> <li>Ketahanan barang</li> </ul>		
<b>Hubungan hasil dengan keanjalan harga permintaan</b>		
<ul style="list-style-type: none"> <li>Jumlah hasil = Kuantiti × Harga</li> <li>Bagi barang yang permintaannya anjal, penurunan harga menyebabkan peningkatan jumlah hasil dan kenaikan harga menyebabkan pengurangan jumlah hasil.</li> <li>Bagi barang yang permintaannya tak anjal, penurunan harga menyebabkan pengurangan jumlah hasil dan kenaikan harga menyebabkan peningkatan jumlah hasil.</li> </ul>		

**Keanjalan Harga Penawaran**

Keanjalan harga penawaran mengukur tindak balas perubahan harga ke atas kuantiti ditawarkan sesuatu barang.

Rumus 1	Rumus 2	Rumus 3
$E_s = \frac{\frac{Q_1 - Q_0}{Q_0} \times 100}{\frac{P_1 - P_0}{P_0} \times 100}$	$E_s = \frac{\% \Delta Q}{\% \Delta P}$	$E_s = \frac{Q_1 - Q_0}{Q_0} \times \frac{P_0}{P_1 - P_0}$

Jenis	Anjal	Tak Anjal
Nilai	Lebih daripada satu ( $E_s > 1$ ).	Kurang daripada satu ( $E_s < 1$ ).
Maksud	Peratus perubahan kuantiti ditawarkan lebih besar daripada peratus perubahan harga.	Peratus perubahan harga lebih besar daripada peratus perubahan kuantiti ditawarkan.
Tafsir	$E_s = 2$ : Perubahan harga sebanyak 1% menyebabkan perubahan kuantiti ditawarkan sebanyak 2%.	$E_s = 0.5$ : Perubahan harga sebanyak 1% menyebabkan perubahan kuantiti ditawarkan sebanyak 0.5%.
Keluk		
<b>Penentu keanjalan harga penawaran</b>		
<ul style="list-style-type: none"> <li>Tambahan kos</li> <li>Corak penggunaan faktor pengeluaran</li> <li>Faktor masa</li> <li>Bilangan firma dalam pasaran</li> <li>Mobiliti faktor pengeluaran</li> <li>Ketersediaan stok atau inventori</li> </ul>		

**KUASAI**  
PBD  
FORMATIF **2.1** Keseimbangan Pasaran

Buku Teks ms. 48 – 87


**SP 2.1.1** Menjelaskan hukum permintaan

1. Lengkapkan pernyataan yang berikut: **TP 1**

- (a) Permintaan merujuk kepada (i) keinginan dan kemampuan seseorang individu untuk membeli sesuatu barang atau perkhidmatan pada suatu (ii) tingkat harga tertentu dan dalam (iii) jangka masa tertentu.
- (b) Permintaan berkesan ialah permintaan yang disokong oleh kuasa beli atau kemampuan membayar.
- (c) Hukum permintaan menyatakan semakin (i) tinggi harga sesuatu barang, semakin (ii) kurang kuantiti diminta barang itu dan sebaliknya. Ini menunjukkan hubungan (iii) songsang/negatif antara harga dan kuantiti diminta.

**SP 2.1.2** Melukis dan menjelaskan pembentukan keluk permintaan individu dan pasaran

2. Berdasarkan jadual permintaan anda terhadap baju raya di muka surat 30, lukis keluk permintaan berdasarkan. **TP 2**




Terima jawapan yang munasabah

3. Jadual di bawah menunjukkan kuantiti daging ayam yang mampu dan sanggup dibeli oleh Puan Azlina pada pelbagai tingkat harga. **TP 2**

Harga (RM)	Kuantiti diminta (kg)
15	1
12	3
9	5
6	7
3	9

Dengan menggunakan kertas graf di bawah, lukis keluk permintaan tersebut.




4. Jadual di bawah menunjukkan kuantiti diminta pen Cutie oleh Johan dan Juwita pada pelbagai tingkat harga.

Harga (RM)	Kuantiti diminta Johan (unit)	Kuantiti diminta Juwita (unit)	Permintaan pasaran (unit)
2.50	1	0	1
2.00	3	2	5
1.50	5	4	9
1.00	7	6	13



# Wang, Bank dan Pendapatan Individu



## Ciri-ciri wang

- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_

## Fungsi wang

- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

LEMBARAN KERJA

## KUASAI Nota Pintas

### Wang dan Bank

- Maksud wang:** Benda yang diterima umum sebagai alat perantaraan pertukaran.
- Fungsi wang** ialah:
  - Alat perantaraan pertukaran
  - Alat ukuran nilai
  - Alat simpanan nilai
  - Alat bayaran tertunda
- Fungsi bank pusat** ialah:
  - Mengeluarkan mata wang
  - Mengawal kestabilan nilai mata wang
  - Jurubank kepada kerajaan
  - Jurubank kepada bank perdagangan
  - Mengawal kestabilan ekonomi
- Fungsi bank perdagangan** ialah:
  - Menerima deposit
  - Memberi pinjaman
  - Menerima dan membuat bayaran
  - Perkhidmatan lain
- Skim perbankan Islam** termasuk:
  - Wadiah
  - Bai Bithaman Ajil
  - Mudharabah
  - Takjiri

### Pendapatan Individu

- Sektor ekonomi** terdiri daripada:
  - Sektor utama
  - Sektor kedua
  - Sektor ketiga
- Faktor pemilihan pekerjaan** ialah:
  - Upah
  - Minat
  - Suasana tempat kerja
  - Pengalaman dan kemahiran
  - Pengaruh keluarga
  - Faedah sampingan
  - Jarak
  - Kelayakan akademik
  - Keadaan ekonomi
  - Prospek pekerjaan
- Jenis pendapatan individu** termasuk:
  - Sewa
  - Upah
  - Faedah

- Dividen
- Untung
- Bayaran pindahan

### 4. Faktor yang mempengaruhi tingkat pendapatan individu termasuk:

- Pilihan kerjaya
- Pilihan pendidikan
- Kemahiran
- Keusahawanan
- Keadaan ekonomi

### Penggunaan Pendapatan Individu

1. **Maksud pendapatan boleh guna:** Pendapatan sebenar individu yang boleh dibelanjakan setelah ditolak semua potongan wajib.

2. **Jenis potongan wajib** terdiri daripada:

- Caruman KWSP
- Caruman PERKESO
- Zakat
- Cukai pendapatan individu

3. **Penggunaan pendapatan boleh guna** merupakan pendapatan yang digunakan untuk membeli barang tahan lama, barang tidak tahan lama dan perbelanjaan perkhidmatan. Bakinya adalah tabungan.

4. **Faktor yang mempengaruhi corak perbelanjaan pengguna** termasuk:

- Pendapatan
- Barang pengganti
- Harga
- Cita rasa dan segmen pasaran
- Pengiklanan dan pemasaran

5. **Kaedah pembayaran pembelian barang** termasuk:

- Bayaran secara tunai

Kelebihan	Kekurangan
<ul style="list-style-type: none"> <li>Harga murah</li> <li>Perbelanjaan berhemah</li> <li>Diberi diskaun</li> <li>Barang menjadi hak milik pengguna</li> <li>Kaedah bayaran diterima secara meluas</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Masalah kekurangan tunai</li> <li>Tidak dilindungi daripada kesan inflasi</li> <li>Kurang sesuai untuk barang mahal</li> <li>Kurang perkhidmatan lepas jualan</li> </ul>

(b) Bayaran secara kredit


Kelebihan	Kekurangan
<ul style="list-style-type: none"> <li>Bantu merancang perbelanjaan</li> <li>Bayaran bulanan yang kecil</li> <li>Mampu guna barang yang mahal</li> <li>Meningkatkan taraf hidup</li> <li>Menjana pendapatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dikenakan faedah</li> <li>Menggalakkan sikap boros</li> <li>Barang mungkin ditarik balik</li> <li>Mungkin menangguhkan perbelanjaan lain</li> </ul>

6. **Fitur ekonomi dalam pembelian kredit** ialah:

- Perlu buat bayaran pendahuluan
- Dikenakan faedah
- Dikenakan caj kewangan
- Jumlah yang perlu dibayar = (Harga – Wang pendahuluan) + Faedah

**Belanjawan Peribadi**

- Maksud belanjawan peribadi:** Anggaran perbelanjaan berdasarkan anggaran pendapatan boleh guna untuk tempoh masa tertentu.
- Langkah penyediaan belanjawan peribadi** adalah:



- Keperluan belanjawan peribadi** ialah:
  - Membolehkan individu mendahulukan perkara penting
  - Membantu individu menabung
  - Membantu menyelaraskan perbelanjaan mengikut pendapatan
  - Mengelakkan hutang

(e) Mengelakkan kenaikan harga barang (inflasi)

**Strategi Simpanan**

- Bank perdagangan
- Bank Islam
- Bank Simpanan Nasional (BSN)
- Lembaga Tabung Haji (LTH)
- Unit Amanah
- Koperasi
- Insurans nyawa
- Syarikat kewangan
- Simpanan lain

**Strategi Pelaburan**

- Simpanan di bank
- Hartanah
- Saham
- Unit amanah
- Sekuriti pinjaman
- Logam berharga
- FOREX

**Perbandingan Tahap Risiko, Pulangan dan Kecairan antara Pelbagai Jenis Pelaburan Peribadi**


Jenis pelaburan peribadi	Tahap risiko	Tahap pulangan	Tahap kecairan
Simpanan tetap	Bebas risiko	Rendah	Tinggi
Unit amanah	Rendah	Rendah	Tinggi
Saham syarikat	Tinggi	Tinggi	Sederhana
Sekuriti kerajaan	Bebas risiko	Rendah	Sederhana
Hartanah	Rendah	Rendah	Rendah
Logam berharga	Sederhana	Tinggi	Rendah
FOREX	Tinggi	Tinggi	Tinggi

**KUASAI**  
PBD  
FORMATIF **3.1** Wang dan Bank

Buku Teks ms. 124 – 141

SP 3.1.1 Menjelaskan fungsi wang

1. Dengan menggunakan peta i-THINK yang sesuai, senaraikan fungsi wang. **TP 1**



Terima jawapan lain yang munasabah

2. Berikut adalah aktiviti yang telah dilakukan oleh ahli keluarga Pak Sam. Berdasarkan aktiviti yang dilakukan, nyatakan fungsi wang. **TP 2**

Aktiviti ahli keluarga Pak Sam		Fungsi wang
(a)	Pak Sam telah menyimpan RM3 000 di bank.	Alat penyimpanan nilai
(b)	Alat tulis yang dibeli oleh anak Pak Sam adalah seperti berikut: pembaris RM3, buku latihan RM8 dan pen RM3.50.	Alat pengukur nilai
(c)	Mak Sam membeli sebuah mesin basuh dengan bayaran ansuran.	Alat bayaran tertunda
(d)	Datuk Pak Sam menggunakan RM6 untuk membeli sesisir pisang emas daripada penjaja buah-buahan.	Alat pertukaran

**SP 3.1.2** Menjelaskan fungsi bank pusat mengawal kestabilan nilai mata wang, jurubank kepada kerajaan dan jurubank kepada bank perdagangan

3. Jadual berikut menunjukkan aktiviti yang dilakukan oleh Bank Negara Malaysia. Berdasarkan aktiviti yang dilakukan, nyatakan fungsi bank pusat. **TP1 TP2**

Tindakan Bank Pusat		Fungsi Bank Pusat
(a)	Bank Negara Malaysia menerima semua deposit hasil cukai dan hasil bukan cukai bagi pihak kerajaan.	Jurubank kepada kerajaan
(b)	Bank Negara Malaysia memastikan penawaran wang adalah mencukupi dalam pasaran wang.	Mengeluarkan mata wang
(c)	Bank pusat meningkatkan kadar bunga untuk mengatasi masalah inflasi.	Mengawal kestabilan ekonomi
(d)	Bank pusat menjual Ringgit Malaysia dan membeli Yen Jepun apabila nilai Ringgit Malaysia naik berbanding dengan Yen Jepun.	Mengawal kestabilan nilai mata wang
(e)	Bank perdagangan mendapatkan pinjaman daripada bank pusat apabila menghadapi masalah kekurangan wang tunai.	Jurubank kepada bank perdagangan

4. Logo di bawah merupakan logo sebuah institusi kewangan di Malaysia. **TP 2**



Info



Bank Negara Malaysia

Jelaskan fungsi bagi institusi kewangan tersebut dalam mengawal kestabilan nilai wang.

- (a) Mewujudkan sandaran minimum iaitu 80.59% dalam bentuk emas dan rizab antarabangsa
- (b) Campur tangan dalam pasaran pertukaran asing dengan menjual atau membeli pertukaran asing
- (c) Mengawal inflasi dengan menggunakan alat dasar kewangan

# Pengeluaran



Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

L  
E  
M  
B  
A  
R  
A  
N  
  
K  
E  
R  
J  
A

# KUASAI *Nota Pintas*

## Firma

- Maksud firma:** Unit ekonomi produktif yang merancang dan menggunakan sumber ekonomi untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan.
- Klasifikasi firma:
  - Ikut saiz – firma kecil dan firma besar
  - Jenis firma – firma swasta dan firma awam

## Industri

**Maksud industri:** Sekumpulan firma yang mengeluarkan barang atau perkhidmatan yang sama.

## Pengeluaran

**Maksud pengeluaran:** Proses mengubah input kepada output.

## Input

Jenis-jenis input termasuk:

Input tetap	Input berubah
<ul style="list-style-type: none"> <li>Kuantiti tetap pada sebarang tingkat output</li> <li>Wujud walaupun output sifar</li> <li>Wujud dalam pengeluaran jangka pendek sahaja</li> <li>Contohnya, mesin</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kuantiti berubah mengikut tingkat output</li> <li>Tidak wujud jika output sifar</li> <li>Wujud dalam pengeluaran jangka pendek dan jangka panjang</li> <li>Contohnya, buruh</li> </ul>

## Output

- Output merupakan barang atau perkhidmatan yang dihasilkan dalam proses pengeluaran.
- Output terdiri daripada:
  - Barang perantara – barang yang akan digunakan dalam proses pengeluaran seterusnya. Contohnya, papan dan tepung gandum.
  - Barang akhir – barang siap yang boleh terus digunakan oleh pengguna akhir. Contohnya, perabot dan roti.

## Jangka Masa Pengeluaran

Jangka masa pengeluaran boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu:

- Jangka masa pendek
  - Tempoh pengeluaran yang melibatkan penggunaan input tetap dan input berubah dalam proses pengeluaran.

(b) Jangka masa panjang

- Tempoh pengeluaran di mana firma berupaya mengubah semua input dalam proses pengeluaran.

## Fungsi Pengeluaran Jangka Pendek

- Fungsi pengeluaran jangka pendek menunjukkan hubungan antara input berubah dengan output pada suatu tingkat input tetap tertentu.
- Rumus:  $Q = f(\bar{K}, L)$

<b>Jumlah keluaran (TP)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jumlah output yang dapat dihasilkan oleh sejumlah input yang dimiliki oleh firma.</li> <li>Jumlah keluaran (TP) = <math>\frac{\text{Keluaran purata (AP)} \times \text{Input berubah (L)}}</math></li> </ul>
<b>Keluaran purata (AP)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jumlah kuantiti keluaran yang dapat dihasilkan oleh seunit input berubah.</li> <li>Keluaran purata (AP) = <math>\frac{\text{Jumlah keluaran (TP)}}{\text{Input berubah (L)}}</math></li> </ul>
<b>Keluaran marginal (MP)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perubahan dalam jumlah keluaran kesan daripada perubahan dalam penggunaan satu unit input berubah.</li> <li>Keluaran marginal (MP) = <math>\frac{\Delta TP}{\Delta L}</math></li> </ul>

## Kos Pengeluaran

- Kos pengeluaran merupakan segala perbelanjaan terhadap input yang digunakan dalam proses pengeluaran.
- Jenis-jenis kos termasuk:

### (a) Kos tetap (FC)

- Bayaran untuk penggunaan input tetap
- Tidak berubah mengikut bilangan output
- Wujud walaupun output sifar
- Wujud dalam pengeluaran jangka pendek sahaja
- Contohnya, sewa
- Rumus:  $\frac{\text{Harga input tetap}}{\text{input tetap}} \times \text{Kuantiti input tetap}$



**(b) Kos berubah (VC)**

- Bayaran atas penggunaan input berubah
- Berubah secara langsung dengan perubahan tingkat output
- Tidak wujud jika tingkat output sifar
- Wujud dalam pengeluaran jangka pendek dan jangka panjang
- Contohnya, upah buruh
- Rumus:  $\frac{\text{Harga input}}{\text{berubah}} \times \frac{\text{Kuantiti input}}{\text{berubah}}$

**(c) Kos berubah purata (AVC)**

- Kos berubah seunit output
- Rumus:  $\frac{\text{Kos berubah (VC)}}{\text{Jumlah keluaran (TP)}}$

**(d) Jumlah kos (TC)**

- Semua jenis kos yang terlibat dalam proses pengeluaran
- Rumus: Kos tetap + Kos berubah

**(e) Kos purata (AC)**

- Kos seunit output
- Rumus:  $\frac{\text{Jumlah kos (TC)}}{\text{Jumlah output (TP)}}$

**(f) Kos marginal (MC)**

- Perubahan dalam jumlah kos kesan daripada perubahan dalam seunit output
- Rumus:  $\frac{\Delta TC}{\Delta TP}$

3. Bila output meningkat:
  - jumlah kos (TC) semakin meningkat
  - kos purata (AC) menurun pada peringkat permulaan, mencapai nilai minimum, kemudian meningkat
  - kos marginal (MC) menurun pada peringkat permulaan, mencapai nilai minimum, kemudian meningkat
  - kos berubah purata (AVC) menurun pada peringkat permulaan, mencapai nilai minimum, kemudian meningkat
4. Hubungan antara kos purata (AC) dengan kos marginal (MC):
  - Apabila AC menurun,  $MC < AC$
  - Apabila AC minimum,  $MC = AC$
  - Apabila AC meningkat,  $MC > AC$

**Konsep Hasil dan Untung**

1. **Hasil** ialah nilai penerimaan yang diperoleh firma daripada jualan keluarannya.
2. Rumus: Harga (P) × Kuantiti jualan (Q)
3. **Untung** ialah perbezaan antara jumlah hasil dengan jumlah kos.
4. Rumus: Jumlah hasil – Jumlah kos
5. **Kos implisit** ialah kos yang sepatutnya dibayar kepada faktor pengeluaran tetapi diambil kira dalam kos pengeluaran.
6. **Kos eksplisit** ialah kos yang dibayar secara nyata oleh firma dalam proses pengeluaran.

**Produktiviti dan Eksternaliti**

1. **Produktiviti** ialah kemampuan untuk meningkatkan penghasilan output daripada sejumlah input yang diberikan.
2. Kepentingan produktiviti termasuk:

(a) Peningkatan output
(b) Peningkatan keuntungan
(c) Peningkatan upah pekerja
(d) Peningkatan pendapatan negara
(e) Peningkatan taraf hidup rakyat


3. Rumus produktiviti:  $\frac{\text{Output}}{\text{Input}}$
4. Faktor yang mempengaruhi produktiviti ialah:
  - (a) Tenaga manusia
  - (b) Sistem dan prosedur
  - (c) Struktur organisasi
  - (d) Gaya kepimpinan
  - (e) Persekitaran kerja
  - (f) Bahan-bahan
  - (g) Teknologi
  - (h) Kelengkapan modal
5. **Eksternaliti** ialah kos atau faedah yang tidak diambil kira dalam pengeluaran dan penggunaan sesuatu barang atau perkhidmatan.
6. Kos sosial ialah kos kepada pihak ketiga yang tidak termasuk dalam harga pasaran.
7. Faedah sosial ialah faedah kepada pihak ketiga selain pengguna dan pengeluar.



## 4.1 Konsep Pengeluaran, Kos dan Hasil

**SP 4.1.1** Menjelaskan konsep pengeluaran

1. Lengkapkan rajah berikut tentang konsep pengeluaran. **TP 1**




Cuba jawab **Praktis SPM K2, S1(a), m/s 116**

2. Bandingkan perbezaan input tetap dan input berubah dalam jadual berikut.

Input tetap	Input berubah
Bilangannya tidak berubah ikut bilangan output.	Bilangannya berubah ikut bilangan output.
Wujud dalam pengeluaran jangka pendek sahaja.	Wujud dalam pengeluaran jangka pendek dan jangka panjang.
Wujud walaupun tiada output dikeluarkan.	Tidak wujud jika tiada output dikeluarkan.
Contohnya, mesin	Contohnya, bahan mentah.

Cuba jawab **Praktis SPM K2, S1(d), m/s 117**

3. Lengkapkan peta pokok dengan ciri-ciri jangka masa pengeluaran. **i-Think** **Peta Pokok**



**SP 4.1.2** Menjelaskan fungsi pengeluaran jangka pendek secara deskriptif dengan menggunakan jadual.

4. Tuliskan rumus yang berikut, kemudian lengkapkan pernyataan dengan perkataan yang sesuai. **TP 2**

(a) Fungsi pengeluaran jangka pendek

$$Q = f(\bar{K}, L)$$

Fungsi pengeluaran jangka pendek menunjukkan hubungan antara input berubah dengan output pada suatu tingkat input tetap yang diberikan.

(b) Keluaran purata

$$\text{Keluaran purata} = \frac{\text{Jumlah keluaran}}{\text{Jumlah input berubah}}$$

Keluaran purata merujuk kepada jumlah kuantiti keluaran yang dapat dihasilkan oleh seunit input berubah.

(c) Keluaran marginal

$$\text{Keluaran marginal} = \frac{\Delta \text{Jumlah keluaran}}{\Delta \text{Input berubah}}$$

Keluaran marginal merujuk kepada perubahan dalam jumlah keluaran kesan daripada perubahan dalam penggunaan seunit input berubah.

(d) Jumlah keluaran

$$\text{Jumlah keluaran} = \text{Keluaran purata} \times \text{Input berubah}$$

Jumlah keluaran merujuk kepada jumlah output yang dapat dihasilkan oleh sejumlah input yang dimiliki oleh firma.

5. Jadual berikut menunjukkan jumlah keluaran barang X dengan menggunakan pelbagai gabungan input tetap dan input berubah dalam jangka masa pendek.

Input tetap (Mesin)	Input berubah (Buruh)	Jumlah keluaran (TP) (unit)	Keluaran purata (AP) (unit)	Keluaran marginal (MP) (unit)
1	0	0	-	-
1	1	1	1.0	1
1	2	4	<b>P</b>	3
1	3	<b>Q</b>	3.0	<b>R</b>
1	4	17	4.2	8
1	5	23	4.6	6
1	6	<b>S</b>	<b>T</b>	4
1	7	27	3.9	0
1	8	25	<b>U</b>	-2

- (a) Hitungkan nilai P, Q, R, S, T dan U.

P : 2 unit                      R : 5 unit                      T : 4.5 unit  
 Q : 9 unit                        S : 27 unit                      U : 3.13 unit

- (b) Jelaskan hubungan antara input berubah dengan jumlah keluaran (TP), keluaran purata (AP) dan keluaran marginal (MP) pada tingkat input berubah berikut:

- (i) Input berubah ke-0 hingga ke-4

<b>Jumlah keluaran (TP)</b>	- Pada input berubah ke-0, TP adalah sifar. - Pada input berubah ke-1 hingga ke-4, TP semakin meningkat.
<b>Keluaran purata (AP)</b>	- Pada input berubah ke-0 hingga ke-4, AP semakin meningkat.
<b>Keluaran marginal (MP)</b>	- Pada input berubah ke-1 hingga ke-3, MP semakin meningkat. - Pada input berubah ke-4, MP mencapai nilai maksimum.

- (ii) Input berubah ke-5 hingga ke-8

<b>Jumlah keluaran (TP)</b>	- Pada input berubah ke-5 hingga ke-6, TP semakin meningkat. - Pada input berubah ke-7, TP mencapai nilai maksimum. - Pada input berubah ke-7 hingga ke-8, TP semakin menurun.
<b>Keluaran purata (AP)</b>	- Pada input berubah ke-5, AP mencapai nilai maksimum. - Pada input berubah ke-6 hingga ke-8, AP semakin menurun.
<b>Keluaran marginal (MP)</b>	- Pada input berubah ke-5 hingga ke-6, MP semakin menurun. - Pada input berubah ke-7, MP mencapai nilai sifar. - Pada input berubah ke-8, MP menurun sehingga mencapai nilai negatif.

**SP 4.1.3** Menjelaskan kos tetap, kos berubah, jumlah kos, kos marginal dan kos purata

6. Tuliskan rumus yang berikut. Kemudian, lengkapkan pernyataan dengan menggunakan perkataan yang sesuai. **TP 2**

Rumus	Kenyataan
(a) Kos tetap $\text{Kos tetap} = \frac{\text{Harga input tetap}}{\text{Kuantiti input tetap}} \times \text{Kuantiti input tetap}$	Kos tetap merupakan bayaran yang perlu dibayar oleh firma terhadap penggunaan input <u>tetap</u> dalam proses pengeluaran. Kos tetap perlu dibayar walaupun jumlah pengeluaran adalah <u>sifar</u> . Kos tetap hanya wujud dalam jangka masa <u>pendek</u> .
(b) Kos berubah $\text{Kos berubah} = \frac{\text{Harga input berubah}}{\text{Kuantiti input berubah}} \times \text{Kuantiti input berubah}$	Kos berubah merupakan bayaran yang perlu dibayar oleh firma bagi penggunaan input berubah dalam proses pengeluaran. Kos <u>berubah</u> mempunyai hubungan <u>langsung</u> dengan perubahan tingkat output. Semakin <u>banyak/sedikit</u> output dihasilkan, maka semakin <u>rendah/tinggi</u> kos berubah dan sebaliknya.
(c) Kos pengeluaran $\text{Kos pengeluaran} = \text{Kos tetap} + \text{Kos berubah}$	Kos pengeluaran merujuk kepada segala perbelanjaan terhadap <u>input</u> yang digunakan dalam proses pengeluaran. Dalam jangka pendek, kos pengeluaran terdiri daripada <u>kos tetap</u> dan <u>kos berubah</u> . Dalam jangka panjang, kos pengeluaran terdiri daripada <u>kos berubah</u> sahaja.
(d) Kos purata $\text{Kos purata} = \frac{\text{Jumlah kos}}{\text{Jumlah output}}$	Kos purata merujuk kepada kos <u>seunit</u> output dan diperolehi dengan membahagikan jumlah <u>kos</u> dengan jumlah <u>output pengeluaran</u> .
(e) Kos berubah purata $\text{Kos berubah purata} = \frac{\text{Kos berubah}}{\text{Jumlah output}}$	Kos berubah purata merujuk kepada <u>kos berubah</u> seunit output dan diperolehi dengan membahagikan jumlah kos <u>berubah</u> dengan jumlah <u>output</u> .
(f) Kos marginal $\text{Kos marginal} = \frac{\Delta \text{Kos berubah}}{\Delta \text{Jumlah output}}$	Kos marginal mengukur perubahan <u>kos</u> akibat daripada perubahan dalam jumlah <u>output</u> . Dalam jangka sama pendek, perubahan dalam jumlah kos adalah bersamaan dengan perubahan kos <u>berubah</u> kerana kos <u>tetap</u> adalah malar di setiap tingkat pengeluaran.

Cuba jawab **Praktis SPM K2, S1(b), m/s 116**

SP 4.1.4 Membuat pengiraan mudah kos tetap, kos berubah, jumlah kos, kos purata dan kos marginal berdasarkan jadual

SP 4.1.5 Menganalisis situasi yang menunjukkan perubahan dalam kos purata dan jumlah kos akibat perubahan dalam jumlah output

7. Jadual di bawah menunjukkan kos pengeluaran jangka pendek sesebuah firma. **TP 3**

Output (unit)	Kos tetap (RM)	Kos berubah (RM)	Jumlah kos (RM)	Kos purata (RM)	Kos marginal (RM)	Kos berubah purata (RM)
0	20	0	20	–	–	–
1	20	10	30	30	10	10
2	20	16	36	18	6	8
3	20	19	39	13	3	6.33
4	20	28	48	12	9	7
5	20	50	70	14	22	10
6	20	76	96	16	26	12.67
7	20	120	140	20	44	17.14
8	20	180	200	25	60	22.5

(a) Lengkapkan jadual di atas.

(b) Terangkan hubungan antara output dengan **TP 5**

(i) jumlah kos

Jumlah kos semakin meningkat dengan pertambahan output.

(ii) kos purata

Kos purata semakin menurun dan mencapai tahap minimum pada output ke-4, selepas itu, kos purata semakin meningkat.

(iii) kos marginal

Kos marginal semakin menurun dan mencapai tahap minimum pada output ke-3. Selepas itu, kos marginal semakin meningkat.

(iv) kos berubah purata

Kos berubah purata semakin menurun dan mencapai tahap minimum pada output ke-3. Selepas itu, kos berubah purata semakin meningkat.

Cuba jawab **Praktis SPM K2, S2(c), m/s 118**



SP 4.1.6 Menjelaskan konsep hasil dan untung

SP 4.1.7 Membuat pengiraan mudah jumlah hasil dan untung

8. Tuliskan rumus yang berikut. Kemudian lengkapkan pernyataan dengan perkataan yang sesuai. **TP 2**

(a) Hasil

$$\text{Hasil} = \text{Harga jualan} \times \text{Jumlah output}$$

Hasil merupakan jumlah penerimaan yang telah diperoleh firma daripada penjualan output keluarannya.

(b) Untung

$$\text{Untung} = \text{Jumlah hasil} - \text{Jumlah kos}$$

Untung merupakan perbezaan antara jumlah hasil dengan jumlah kos. Ia merupakan ganjaran kepada usahawan yang menggabungkan semua faktor pengeluaran dan sanggup menanggung risiko untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan.

9. Maklumat berikut dibekalkan oleh Syarikat Wira Maju yang merupakan firma yang terlibat dalam pengeluaran pen.

Kos tetap                    RM5 000  
 Kos berubah seunit      RM0.50  
 Harga jualan              RM2.50

Lengkapkan jadual berikut.

Output (unit)	Kos tetap (RM)	Kos berubah (RM)	Jumlah kos (RM)	Jumlah hasil (RM)	Keuntungan (RM)
0	5 000	0	5 000	0	-5 000
1 000	5 000	500	5 500	2 500	-3 000
2 000	5 000	1 000	6 000	5 000	-1 000
3 000	5 000	1 500	6 500	7 500	1 000
4 000	5 000	2 000	7 000	10 000	3 000
5 000	5 000	2 500	7 500	12 500	5 000

SP 4.1.8 Mengenal pasti tahap pengeluaran paling cekap

10. Jadual di bawah menunjukkan hasil dan kos pengeluaran sebuah firma. **TP5**

Output (unit)	Harga (RM)	Jumlah hasil (RM)	Kos tetap (RM)	Kos berubah (RM)	Jumlah kos (RM)	Kos berubah purata (RM)
0	12	0	10	0	10	–
1	12	12	10	10	20	10
2	12	24	10	18	28	9
3	12	36	10	26	36	8.67
4	12	48	10	33	43	8.25
5	12	60	10	44	54	8.8
6	12	72	10	55	65	9.17
7	12	84	10	70	80	10
8	12	96	10	90	100	11.25
9	12	108	10	115	125	12.78
10	12	120	10	145	155	14.5

(a) Lengkapkan ruangan jumlah hasil, jumlah kos dan kos berubah purata.

(b) Pada output ke berapakah firma akan mencapai keuntungan maksimum? Jelaskan.

Firma akan mencapai keuntungan maksimum pada output ke-6 kerana perbezaan paling tinggi dengan jumlah kos iaitu RM7.

(c) Pada output ke berapakah firma perlu menutup perniagaannya? Berikan alasan anda.

Firma perlu menutup perniagaannya pada output ke-9 kerana harga output lebih rendah daripada kos berubah purata.